

Citra Budaya



JKKN
ISSN 2180 - 009 X Bil 1/2015

NASKHAH
PERCUMA



MEK MULUNG
DI PENTAS
DUNIA!



PESTA ANGIN
TIMUR 2015



BUSKSTOP
MUSIM KEDUA
KEMBALI LAGI!



MISI BANTUAN
BANJIR JKKN



SARAWAK
'LUBUK EMAS'
PENARI MUDA!



THE MYTHS
OF SARAWAK



MELANAUS
SUSHI

Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia

Lafaz syukur seawal bicara yang dapat diungkapkan atas penerbitan buletin JKKN Bil 1/2015 yang kini dikenali sebagai "Citra Seni Budaya". Penjenamaan semula buletin ini adalah bertitik tolak daripada hasrat dan usaha JKKN untuk melaksanakan transformasi bagi memastikan setiap program dan aktiviti yang dilaksanakan memberi impak positif kepada masyarakat di samping pulangan kepada peningkatan ekonomi negara.

Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Ke-4, Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan "Citra" membawa maksud 'gambaran' atau 'imej peribadi seseorang'. Oleh itu, "Citra Seni Budaya" adalah refleksi kepada usaha murni JKKN yang dilaksanakan secara berterusan untuk memartabatkan seni dan budaya. Ia akan menjadi wadah perkongsian ilmu serta maklumat mengenai seni dan budaya yang boleh dimanfaatkan sebagai salah satu sumber rujukan sampingan. Semoga usaha kecil ini boleh membantu merealisasikan hasrat JKKN bagi menyebarluaskan maklumat berkaitan seni budaya yang hakikatnya berada bersama kita sebab hari.

Salmiyah Ahmad
Editor



SIDANG EDITORIAL

JABATAN
KEBUDAYAAN DAN
KESENIAN NEGARA

YBhg. Datuk Norliza Rofli
Ketua Pengarah

YBrs. En. Mohamad Razy Mohd Nor
Timbalan Ketua Pengarah
(Sektor Dasar dan Perancangan)

YBrs. Tn. Hj. Mesran Mohd Yusop
Timbalan Ketua Pengarah
(Sektor Kebudayaan dan Kesenian)

YBrs. En. Rodzuan Ismail
Pengarah Kanan
(Sektor Dasar dan Perancangan)

YBrs. En. Rosli Osman
Pengarah Kanan
(Sektor Kebudayaan dan Kesenian)

Editor
Salmiyah Ahmad

Penolong Editor
Zuriah Mohamad

SIDANG EDITORIAL

Penulis

- Salmiyah Ahmad
- Zuriah Mohamad
- Muhammad Haqkam Hariri
- Ismarizal Zulamran

- Muhammad Faizal Ruslee
- Siti Anisah Abdul Rahman
- Fauziah Ahmad

Pereka Grafik/Kreatif
Bafti Hera Abu Bakar

Jurufoto
Zaman Sulieman

SIDANG REDAKSI

- Bahagian Pengembangan Seni
- Bahagian Pengembangan Budaya
- Bahagian Bimbingan Seni Budaya
- Bahagian Pengukuhan Seni Budaya
- Bahagian Pembangunan Produksi dan Artistik
 - Bahagian Perancangan dan Penyelaras
- Bahagian Pembangunan Produk Seni Budaya (Industri Kreatif)
- Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
 - Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
 - Cawangan Komunikasi Korporat
 - Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara,Negeri-Negeri

PENYELARAS PENGEDARAN BULETIN

- Muhammad Haqkam Hariri
- Muhammad Faizal Ruslee
 - Badrul Hisham Mujib
- Muhammad Ridhwan Azme

ISI KANDUNGAN

- | | | | |
|----|---|----|-----------------------|
| 01 | TINTA KETUA PENGARAH | 18 | SELEXYZ DOMINICANEN |
| 02 | SARAWAK 'LUBUK EMAS' PENARI MUDA! | 20 | THE MYTHS OF SARAWAK |
| 04 | MEK MULUNG DI PENTAS DUNIA | 22 | UMAI - MELANAUS SUSHI |
| 06 | PESTA ANGIN TIMUR | 23 | NASI AMBENG |
| 08 | PROGRAM PEMBANGUNAN EKSEKUTIF (EDP) | 25 | KATA SENDI NAMA |
| 10 | BAZAR SENI 2015 "BERMULANYA DI SINI" | 26 | LEMBAR BAHASA |
| 11 | MATI ITU PASTI | 27 | KARYA KREATIF |
| 12 | JOM BERSENAM! | 35 | SUDUT ARTIKEL |
| 13 | SENAM SENI DI PUNCAK KINABALU | 39 | BAHAN BACAAN PILIHAN |
| 14 | HANYA SATU, FAUZIAH SUHAILI PUTERI GAMBUS | 41 | KATEGORI BUKU |
| 15 | ASEAN PERFORMING ARTS MARKET 2015 | 42 | CD/VCD/DVD |
| 16 | BUSKSTOP MUSIM KEDUA KEMBALI LAGI! | 43 | SUDUT MEMORI JKKN |
| 17 | MISI BANTUAN BANJIR JKKN | | |



Kapal belayar mudik ke hulu
Belayar membawa barang dagangan
Jika kita insan berilmu
Budi bahasa menjadi pegangan

-Zurie Mohamad- Sumber ilustrasi: Internet/Johan 09



Bunga emas di atas para
Jadi hiasan penyejuk mata
Jadilah insan berpekerti mulia
Baik hati berbudi bahasa

-Zurie Mohamad- Sumber ilustrasi: Internet /Kasim 06

TINTA

KETUA PENGARAH

Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT dan limpah kurniaNya, kita telah melangkah ke tahun 2015 yang merupakan era transformasi yang pasti akan lebih mencabar. JKKN akan terus memberi sokongan padu dengan menggerakkan aktiviti yang menjurus ke arah pencapaian hasrat dan matlamat untuk mengangkat martabat seni, budaya dan bangsa dalam usaha menyemarakkan kembali kesenian dan kebudayaan, selaras dengan misi dan visi JKKN yang berperanan membentuk masyarakat berbudaya luhur serta memupuk jati diri bangsa yang kukuh.

JKKN berusaha memainkan peranan yang sewajarnya untuk memastikan inisiatif yang diambil dapat mencapai indeks prestasi utama (KPI) yang ditetapkan, bagi membuktikan bahawa aktiviti yang dirancang akan memberi impak kepada masyarakat. Untuk tahun 2015, JKKN mensasarkan sebanyak 1,242 aktiviti meliputi aktiviti di JKKN Ibu Pejabat, di peringkat JKKN Negeri dan juga pelaksanaan program khas sempena MyFest 2015.

JKKN melihat seni budaya sebagai satu aset yang amat berharga dalam mengekalkan jati diri bangsa, terutamanya ketika berhadapan dengan era globalisasi dan transformasi. Sebagai sebuah jabatan yang menyokong kepada pertumbuhan pelancongan negara melalui aktiviti seni dan budaya, JKKN akan sentiasa peka mencari inisiatif untuk memberi nilai tambah dan pembaharuan ke arah transformasi.

JKKN juga akan memainkan peranan sebagai pemangkin kepada perkembangan seni dan budaya tanah air dan mengangkatnya sebagai salah satu aset negara yang perlu terus dipertahankan.

**Datuk Norliza Rofli
Ketua Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
Negara**



SARAWAK 'LUBUK EMAS' PENARI MUDA!

Peserta Ujibakat
Pengambilan Artis
Budaya JKKN Tampil
Dengan Bakat dan
Keyakinan!



Seramai 57 orang peserta muda berbakat dalam bidang tari hadir menyertai sesi ujibakat pengambilan Artis Budaya (Tari) pada 30 Januari 2015. Program pencarian generasi pelapis bidang tari ini membuka peluang kepada anak-anak muda yang mempunyai minat mendalam terhadap seni dan budaya khususnya di negeri Sarawak untuk menjadi sebahagian daripada warga JKKN, Sarawak.

Kehadiran ramai peserta muda yang ingin mencuba nasib untuk menganggotai Kumpulan Kesenian Jabatan (KKJ) bagi mengisi kekosongan jawatan Artis Budaya (Tari) di JKKN Sarawak, telah membuktikan bahawa negeri ini masih lagi menjadi 'lubuk emas' pencarian bakat dalam bidang tarian.

Calon yang hadir pada sesi ujibakat tersebut terdiri daripada mereka yang datang dari jauh seperti Sibu, Sri Aman, Bau, Lundu, Serian, Kota Samarahan dan Pedawan untuk mempertaruhkan bakat masing-masing. Rata-rata calon mempunyai bakat dan keyakinan yang tinggi bagi membuktikan kemampuan dalam merebut peluang untuk menganggotai KKJ.

Antara kriteria untuk memohon sebagai Artis Budaya di JKKN adalah berusia diantara 18 hingga 25 tahun, berstatus bujang, memenuhi kriteria ketinggian 170cm ke atas bagi lelaki manakala 157cm ke atas bagi perempuan, memiliki berat badan yang seimbang iaitu 55-60kg (lelaki) manakala 45-50kg (perempuan) serta memiliki



pesona dalam seni persembahan.

Aspek kemahiran dalam menguasai tarian khususnya tarian-tarian etnik di negeri Sarawak serta tarian-tarian tradisional Malaysia adalah sangat diutamakan. Calon yang mempunyai bakat seperti lakonan, nyanyian, seni silat, berkeupayaan menghasilkan kraftangan dan menguasai seni jahitananak mendapat markah bonus. Semua aspek ini dinilai dengan telus agar reputasi KKJ, JKKN sentiasa mengikuti piawaian yang ditetapkan.

Berdasarkan sambutan yang diterima ketika sesi ujibakat, Sarawak berupaya melahirkan bakat-bakat seni terutama dalam bidang tarian. Bakat anak-anak muda di negeri Sarawak wajar diketengahkan bagi memberi impak positif dalam bidang kebudayaan dan kesenian.

Hassanal Redzuan
JKKN Sarawak



MEK MULUNG

DI PENTAS DUNIA



Mek Mulung ialah salah satu daripada teater tradisional masyarakat Melayu yang sangat popular di negeri Kedah Darul Aman. Ia telah menjadi hiburan rakyat di negeri tersebut sejak zaman dahulu lagi. Mek Mulung merupakan satu adunan kesenian yang menggabungkan unsur-unsur lakonan, nyanyian, tarian dan muzik dalam suatu persembahan. Meskipun seimbas lalu persembahannya kelihatan begitu mudah, tetapi ia tetap mempunyai keunikan yang tinggi nilainya. Menurut satu laporan seorang pengamal kesenian Mek Mulung yang boleh dikatakan waris terakhir, terdapat himpunan sebanyak dua puluh cerita hikayat asal, namun sedikit sahaja yang dikatakan masih kekal.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa Mek Mulung mula tersebar dari kampung Paya Kulubi, kemudian beralih ke Perik, Kedah. Malangnya, sambutan masyarakat di Perik terhadap persembahan ini tidak menggalakkan. Kemudian, kesenian ini dibawa ke Wang Tepus dan mendapat perhatian penduduk seluruhnya. Kini, persembahan teater tradisional ini dipersembahkan setiap tahun di Wang Tepus.

Selain itu, Mek Mulung juga dikhaskan berasal dari Legor, Siam kemudian telah diperkenalkan di Kedah sewaktu berlaku persengketaan Kedah-Siam. Kawasan pertama kesenian ini diperkenalkan ialah di Kampung Perik, Mukim Kurung Itam, Jajahan Kuala Nerang. Seterusnya kesenian ini berkembang



di Kampung Belukar Mulung, Kampung Paya Keladi dan akhirnya di Kampung Wang Tepus, Jitra Kedah.

Justeru, sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab memastikan kegembilan kesenian tradisional ini diserahkan di peringkat yang lebih eksklusif, JKKN dengan kerjasama Persatuan Penggerak Warisan Budaya Negeri Kedah (AKRAB) dan Istana Budaya buat julung kalinya telah melakar sejarah dalam usaha mengangkat Teater Tradisional Mek Mulung di pentas berprestij, melalui '**Mek Mulung Putera Cahaya Bulan**' di Panggung Sari, Istana Budaya pada 28 Februari dan 1 Mac 2015. Ini merupakan inisiatif JKKN dalam usaha pemuliharaan dan pembangunan kesenian tradisional di Malaysia, seiring dengan hasrat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang ingin menjadikan produk seni budaya sebagai tarikan pelancong bersempena Year Of Festival 2015.

Pementasan ini telah mendapat penajaan dan sokongan daripada beberapa syarikat korporat dan kerajaan negeri; antaranya adalah Jamu Mak Dara, Hotel Grand Seasons, Insitut Terjemahan Buku Malaysia dan Kerajaan Negeri Kedah.

Pementasan yang mengetengahkan bahasa dan loghat harian Kedah, merupakan gandingan arahan bersama En. Saipol Bahari Mohd Iman dan En. Zulkarnain Ramly. Turut membantu ialah Pn. Azreen Aznan-Koreografer, En. Razif Rahman-Penolong Koreografer, En. Irwan Ismadi-Pengarah Artistik, En. Yazid Zakaria selaku Pengarah Muzik dan di bawah khidmat nasihat En. Saad Taib dan En. Ahmad Shahadan yang merupakan tokoh Mek Mulung.

Seramai 60 artis budaya dan pemuzik yang terdiri daripada Kumpulan Mek Mulung Sri Mahawangsa JKKN Kedah (gabungan Kumpulan Kesenian JKKN Kedah dan Kumpulan Teater AKRAB), pemuzik Mek Mulung Kg. Wang Tepus, Jitra Kedah, Kumpulan Kesenian JKKN Ibu Pejabat, Kumpulan Kesenian JKKN WPKL dan pemuzik tradisional Istana Budaya telah terlibat dalam menjayakan pementasan ini.

Pementasan Mek Mulung 'Putera Cahaya Bulan' mengekalkan elemen utama, keaslian dan autentik kesenian tradisional seperti lagu pembukaan 'Duduk Bertimpuh', 'Makan Sireh' dan 'Sedayung' selain dari segi watak, nyanyian, tarian serta bahasa. Unsur jenaka yang dibawa oleh Awang Pengasuh serta para inang turut menyelitkan unsur jenaka semasa agar mudah difahami dan diterima oleh khalayak masa kini.

Sepanjang pementasan berlangsung, setiap babak disuntik dengan elemen magis yang penuh dengan unsur kekaguman. Eleman magis dan kekaguman



yang diterapkan dalam setiap babak persesembahan menjadikan pementasan yang berdurasi selama 2 jam itu berjaya memukau dan membawa penonton mengembara, merasai dan menjawai setiap babak yang dipersembahkan.

Gandingan pelakon hebat; Arja Lee sebagai Putera Cahaya Bulan, Samsun Nadia sebagai Puteri Nang Mara, dan Izreen Azminda sebagai gadis "sengau", berjaya dibawa dengan penuh penghayatan dan bersahaja telah menghidupkan suasana sepanjang pementasan berlangsung. Pementasan ini turut menampilkan beberapa artis muda berbakat besar iaitu Zambri Abdullah sebagai Raja Gergasi, Siti Salwanie sebagai Sena, Khairul Ikhwan sebagai Amat (pengikut Raja Gergasi), Hairi Safwan sebagai Wak Nujum serta Wak Suhairi dan Gee Makbol sebagai Epong dan Edeng.

Berdasarkan kecemerlangan pementasan ini, JKKN berharap agar teater tradisional yang diisyiharkan sebagai Seni Warisan Kedah ini tidak hilang ditelan zaman seiring dengan kemunculan beragam kesenian baru yang semakin luntur dalam gaya hidup pada era pascamodenisasi.

Rujukan :

1. Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan, Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 'Sejarah Asal Mek Mulung', 1983
2. www.wikipediaensiklopediabebas.com.my



Rosnan Rahman
JKKN Ibu Pejabat

PESTA ANGIN TIMUR 2015



Mej (K) Rahmat Hj Md Noh
JKKN Perlis

Pesta Angin Timur yang diadakan pada 6 hingga 8 Mac 2015 bertempat di Sg. Berembang, Simpang Empat Perlis, merupakan program pertama yang membuka kalender aktiviti sempena 'MyFest Malaysia' 2015. Program yang menggambit lebih 70,000 orang pengunjung serta menjana pendapatan lebih RM 500,000.00 itu telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Perlis pada 7 Mac 2015. Turut hadir semasa majlis perasmian ialah YBhg. Datuk Abd Ghafar A. Tamby, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Malaysia (KPK) serta YBhg. Datuk Norliza Rofli, Ketua Pengarah JKKN.

Pesta Angin Timur telah diadakan diatas tapak tanah sawah seluas 34 relung bersamaan 3 hektar tanah dengan penggunaan 129 buah kanopi yang memuatkan 150 lot tapak perniagaan yang dikhususkan kepada penjaja-penjaja kecil. 30 aktiviti berbentuk pertandingan, demonstrasi, persembahan, pameran dan jualan menjadi tarikan utama menggambit pengunjung, seperti permainan wau dan layang-layang, gasing pangkah, sepakraga bulatan, anyaman atap nipah, mengemping padi, pameran alatan lama membajak sawah dan demonstrasi membuat belacan. Aktiviti-aktiviti popular sewaktu pelaksanaan program adalah seperti menangkap itik, menggagau, memancing dan nemiba ikan, meniti batas sawah dengan basikal, lumba kerbau besi (kubota), bajak berhias, badang bendang menarik bajak, suara burung merbah, ayam serama cantik dan gusti lengan. Aktiviti pada sebelah malam pula telah berjaya menarik ribuan pengunjung untuk hadir menyaksikan persembahan Pop Yeh-Yeh, pertunjukan Wayang Kulit dan persembahan 'Ghazal Party'.





Sejajar dengan langkah berjimat cermat dan perkongsian pintar, bantuan dan kerjasama daripada 37 agensi Kerajaan, Swasta, Badan-Badan Bukan Kerajaan dan 28 buah JKKK DUN Simpang Empat telah bergabung tenaga bagi merealisasi dan memastikan kejayaan program ini.

Sekalung tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat khususnya Kerajaan Negeri Perlis sebagai pengajur bersama serta lain-lain agensi yang turut memberikan sumbangan sama ada dalam bentuk tenaga dan peruntukan bagi menjayakan Pesta Angin Timur 2015.



PROGRAM PEMBANGUNAN EKSEKUTIF (EDP) KALI KE 71 @ CENTRAL OFFICIALS TRAINING INSTITUTE (COTI), REPUBLIK KOREA

19 OKTOBER HINGGA 01 NOVEMBER 2014



Noor Seela Binti
Noor Sulaiman
JKKN Ibu Pejabat



Program Pembangunan Eksekutif (*Executive Development Program/EDP*) bagi pegawai Junior Gred 41 – 44 anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dan *Central Official Training Institute (COTI)*, Republik Korea telah diadakan pada 19 Oktober hingga 1 November 2014. Program ini memberikan pengetahuan berkaitan tahap kreativiti rakyat Korea khususnya dalam bidang Industri Kreatif yang telah stabil selama 30 tahun dan maju ke hadapan berbanding negara lain.

EDP merupakan salah satu program teras yang dilaksanakan di bawah **Dasar Pandang Ke Timur**. Ia mula dilaksanakan sejak tahun 1984 berikutan Perjanjian Persefahaman (*Memorandum of Understanding/Mou*) di antara Malaysia dan Korea Selatan yang telah ditandatangani pada tahun 1983. Objektif utama pelaksanaan program ini adalah:

- Memberi pendedahan kepada pegawai kerajaan tentang falsafah dan nilai-nilai yang dimiliki oleh bangsa Korea sehingga berjaya menjadikan negara mereka sebuah negara yang maju; dan
- Memberi motivasi kepada peserta, menjalin dan mengekalkan hubungan erat di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Korea khususnya dalam bidang latihan, pendidikan dan sosial.

Program ini hanya melibatkan penyertaan seramai 20 orang penjawat awam dari pelbagai jabatan/agensi kerajaan yang merangkumi pelbagai skim perkhidmatan di seluruh negara. Ia dilaksanakan tiga kali setahun dengan



Majlis Pembukaan Kursus oleh Pengurusan Tertinggi COTI Korea

penglibatan tiga kumpulan penjawat awam seperti berikut:

- i. Kumpulan Peringkat Tinggi (*Senior*) bagi Gred 48 – 54;
- ii. Kumpulan Peringkat Pertengahan (*Junior*) bagi Gred 41 – 44 dan
- iii. Kumpulan Pelaksana bagi Gred 27 – 40

Pemilihan peserta bagi kumpulan ke-71 melibatkan 405 permohonan daripada 201 jabatan/agensi dan 19 skim perkhidmatan. Daripada jumlah ini hanya 322 pemohon telah dipilih untuk menghadiri sesi temuduga bagi memilih 20 orang peserta ke program ini. Sehingga kini, seramai 1,381 orang pegawai telah mengikuti program ini dengan jayanya.

Sesi Ilmu

Pelaksanaan program bagi kursus jangka pendek EDP ini dilaksanakan sepenuhnya oleh *Ministry of Security & Public Administration, Republic of Korea*, sebuah jabatan kerajaan yang juga melaksanakan latihan dan pembangunan penjawat awam di Republik Korea dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia yang menerapkan visi dan misi Dasar Pandang ke Timur dengan penekanan berkaitan unsur-unsur ketekunan dan disiplin dalam kerja, taat setia kepada negara, memupuk semangat berkumpulan, penambahan daya pengeluaran negara, peningkatan kecekapan dalam kerjaya, pengurangan pembaziran dan berkaitan



Peserta EDP kali ke 71 seramai 21 orang



hubungan di antara majikan dan pekerja. Terdapat tiga modul utama yang memberi impak kepada pembangunan bakat dan kepimpinan para peserta.

- 1. Pembangunan Kepimpinan
(Leadership Development)**
- 2. Forum Pertumbuhan Negara Mampan
(termasuk lawatan sambil belajar)**
- 3. Memahami Cara Hidup Masyarakat Korea
(Understanding Insights of Korea and its People)**

Penceramah terdiri daripada pensyarah COTI dan tenaga pakar daripada agensi luar di Korea. Kursus dijalankan sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris dan dibantu oleh penterjemah bahasa apabila penceramah menggunakan Bahasa Korea. Kandungan modul program ini merangkumi pelbagai aktiviti yang boleh dibahagikan kepada empat aktiviti utama iaitu sidang keilmuan, lawatan sambil belajar, aktiviti luar/latihan dalam kumpulan dan program kebudayaan.

BAZAR SENI 2015 "BERMULANYA DI SINI"

PERINGKAT NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Bazar Seni 2015 Siri 1 berkonsepkan santai dan riadah anjuran JKKN dengan jalinan kerjasama Pasar BOCO dan SOHO telah dilaksanakan pada 7 Mac 2015, bertempat di Kompleks JKKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

'Bermulanya Di Sini' merupakan program yang memberi ruang kepada individu dan penggiat/pengusaha produk seni budaya untuk mempamerkan bakat, karya serta memasarkan produk seni budaya bagi menjana pendapatan. Ia juga memberi peluang kepada para pengunjung untuk menikmati, menghayati dan melihat karya/produk seni tempatan.

Selain aktiviti jualan, terdapat pelbagai pengisian persembahan yang menarik seperti pertandingan permainan tradisional, persembahan puisi, persembahan muzik akustik, persembahan tarian oleh KKJ, JKKNWPKL dan 'Sesi Bedah Buku' untuk menarik minat pengunjung dari pelbagai peringkat umur dan pelancong dari dalam dan luar Negara.

Ili Nadia Khairuddin
JKKN WPKL



BIL	PERKARA	TARIKH/MASA	TEMPAT
1	Bazar Seni KL	4 April 2015 (Sabtu)	Kompleks JKKNWPKL
2	Bazar Seni KL "Jasamu Dikenang"	9 Mei 2015 (Sabtu)	
3	Bazar Seni KL	6 Jun 2015 (Sabtu)	
4	Bazar Seni KL "Pasar Merdeka"	1 Ogos 2015 (Sabtu)	
5	Bazar Seni KL "Harga Bisik Bahasa"	5 September 2015 (Sabtu)	



MATI ITU PASTI



SABAH 9 Februari 2015 – Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Sabah dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JAHEINS) telah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah yang bertempat di JKKN, Sabah.

Pengurusan jenazah bukanlah suatu perkara yang boleh dipandang ringan. Sekalipun ia merupakan fardhu kifayah ke atas umat Islam, namun suatu perkara yang perlu diingat ialah mempelajarinya adalah fardhu ain. Oleh yang demikian, ilmu yang berkaitan pengurusan jenazah sangat diperlukan.

Kursus selama 1 hari yang dihadiri oleh pegawai dan kakitangan JKKN, Sabah serta Badan Bukan Kerajaan (BBK) ini ternyata memberi manfaat yang sangat berguna kepada peserta. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang konsep pengurusan jenazah dalam Islam disamping memberi bimbingan dalam melaksanakan pengurusan jenazah secara praktikal. Peserta juga turut dialu-alukan untuk mengajukan soalan-soalan berkaitan pengurusan jenazah, kematian dan lain-lain hal yang berkaitan.

Sesi ceramah, teori dan praktikal telah dikendalikan oleh Ustaz Jasmil Rashid daripada (JAHEINS), dengan dibantu oleh Ustazah Lilis.

Sepanjang kursus dilaksanakan, peserta diajar dan diterangkan berkenaan keperluan kelengkapan dalam persediaan memandi dan mengkafarkan jenazah. Selesai sesi penerangan, peserta diajar secara praktikal tentang cara-cara mandi, kafan dan solat jenazah.

Semoga ilmu kifayah ini dapat memberi panduan dalam melahirkan masyarakat yang mendalami ilmu agama dan dapat melaksanakan tuntutan agama dalam kehidupan semua.



**Farah Damayanty
Ahmad**
JKKN, Sabah



JOM BERSENAM!



Pulau Pinang, 22 Januari 2015 - Senam 1Malaysia
MEGA anjuran JKKN Pulau Pinang dengan kerjasama Istana Budaya, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia serta Majlis Kecergasan Malaysia (MKK) telah diadakan di perkarangan Kompleks Pustaka Warisan Seni JKKN, Pulau Pinang. Program senaman berirama (senam robik) hasil koreografi bersama jurulatih tari dan jurulatih kecergasan ini boleh menjadi penawar paling berkesan untuk merawat dan mengawal pelbagai masalah kesihatan yang dihidapi, dijadikan sebagai ruang bagi agensi kerajaan, swasta dan Badan Bukan Kerajaan (BBK) menjalinkan kemesraan dan perpaduan serta mengeratkan tali silaturrahim.

Senam 1Malaysia MEGA merupakan gabungan daripada elemen tarian seperti Joget, Inang, Zapin, Tarian Masyarakat Cina, India, Orang Asli, Sabah, Sarawak dan gerak seni bela diri masyarakat Malaysia. Program ini dihadiri oleh 110 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai kaum dan peringkat umur. Terdapat juga beberapa aktiviti sampingan yang turut memeriahkan lagi acara ini iaitu pemeriksaan kesihatan secara percuma oleh Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut, Pameran Interaktif 'Bahaya Denggi', jualan buku-buku seni dan budaya serta jualan CD Senam 1Malaysia.

Saidatul Aina Jamaluddin
JKKN Pulau Pinang





24 Mac 2015 – JKKN Sabah dengan kerjasama Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Negeri Sabah, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia cawangan Sabah serta Taman-taman Sabah telah melaksanakan 'Program Senam 1Malaysia : Jejak Kinabalu' dengan penglibatan seramai 27 orang peserta yang terdiri daripada Pengarah MOTACCawangan Sabah, Pengarah Perbadanan Kraftangan Malaysia Cawangan Sabah, Kakitangan JKKN Sabah dan sukarelawan budaya Sabah. YB. Datuk Kamarlin Hj Ombi, Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah (KEPKAS) turut hadir bersama setiausaha politiknya bagi melaksanakan acara pelepasan / *Flag Off* di Tipohon Gate, Taman Kinabalu, Kundasang, Sabah.

Program senaman yang mengetengahkan 'Senam Seni' sebagai alat menyatukan masyarakat ini dilaksanakan bagi membuktikan bahawa 'seni' itu bukan sekadar hiburan semata, ia membantu menyihatkan badan menerusi rentak tarian dengan gerak langkah yang mudah, gabungan lagu Melayu pelbagai rentak seperti balada pop, zapin, joget dan tarian sumazau. Selain itu program 'Senam Seni' di puncak Kinabalu dengan suhu 2°C darjah celsius, turut bertujuan mempromosikan keindahan dan keunikan Gunung Kinabalu sebagai Tapak Warisan Dunia sempena 'MyFest 2015'.



Farah Damayanty Ahmad

JKKN, Sabah

SENAM SENI DI PUNCAK KINABALU



MAJLIS PELANCARAN DAN SIDANG MEDIA ALBUM FAUZIAH SUHAILI

“HANYA SATU, FAUZIAH SUHAILI PUTERI GAMBUS”

22 Januari 2015 - Di Tajine Restaurant, Menara Bintang Goldhill 239, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur telah berlangsungnya Majlis Pelancaran dan Sidang Media Album Kedua Fauziah Suhaili (Fauziah Gambus) berjudul **“Hanya Satu: Fauziah Suhaili Puteri Gambus”** yang dilancarkan oleh YBrs. En. Mohd Razy bin Mohd Noh, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan), JKKN. Penerbitan album ini merupakan salah satu projek di bawah Program Pemangkin Jangka Pendek (Quick Wins), Seni Persembahan, Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) yang bertujuan menjadikan seni budaya sebagai sumber ekonomi negara.

“Hanya Satu: Fauziah Suhaili Puteri Gambus” terbitan Fauziah Gambus Enterprise, memuatkan 8 lagu Melayu dan 2 lagu Inggeris pelbagai rentak, hasil ciptaan Fauziah Suhaili serta komposer-komposer lain seperti Ismail Matusin, Ustaz Samsu Hilmy Abdullah, Rosli Mohd Nordin, Firlny Malik dan Munir Bachir. Manakala Syarikat Warner Music Malaysia Sdn. Bhd telah dilantik sebagai pengedar album.

Peter Haryson Nianti
JKKN Ibu Pejabat



ASEAN PERFORMING ARTS MARKET 2015 PASAY CITY, MANILA, FILIPINA



ASEAN Performing Arts Market 2015 anjuran Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COCA) telah diadakan pada 12 hingga 16 Februari 2015 bertempat di Cultural Center of Philippines (CCP) Pasay City, Filipina yang telah dirasmikan oleh Dr. Raul Sunico, Presiden Pusat Kebudayaan Filipina dan Pengurus Kebudayaan dan Kesenian Negara ASEAN (SOMCA) dari Filipina. ASEAN Performing Arts Market adalah bersempena penganjuran ‘*Pasinaya Open House Festival*’ yang merupakan program tahunan dengan penglibatan *resident artist* dan penggiat seni yang terkenal di Filipina. Wakil Malaysia yang turut hadir semasa program ialah Puan Low Ngai Yuen, Presiden Persatuan Kakiseni (mewakili pihak industri) dan JKKN (mewakili pihak kerajaan).

Pelaksanaan program adalah bertujuan untuk memperkaya industri kreatif ASEAN terutamanya dalam mempromosi dan memasarkan seni persembahan negara

anggota ASEAN di samping mewujudkan jaringan rangkaian (*networking*) dengan negara lain, serta berpeluang mengenali seni budaya masyarakat Filipina. Pelbagai aktiviti dan persembahan diadakan sepanjang pelaksanaan program yang merangkumi persembahan tarian, teater, muzik, bahasa, filem dan seni visual, pameran serta sesi *pitching*.

Penglibatan Malaysia dalam program ini boleh dijadikan sebagai landasan untuk mempromosikan produk dan hasil seni Malaysia di rantau ASEAN dan peringkat antarabangsa. Malaysia memberi sokongan terhadap pembangunan Industri Kreatif, khususnya dalam seni persembahan yang mula berkembang menjadi salah satu cabang yang membantu kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui kerja-kerja kreatif dan berimpak tinggi di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Noor Seela Binti Noor Sulaiman
JKKN Ibu Pejabat





BUSKSTOP MUSIM KEDUA KEMBALI LAGI!

Shariza Isa
JKKN Ibu Pejabat



Mengimbas kembali *BuskStop* musim pertama yang telah berlangsung pada 1 Mac hingga 25 Mei 2014 di Pavilion, Fahrenheit 88 dan Berjaya Times Square, seramai 45 pemuzik solo dan berkumpulan telah terlibat dalam projek musim itu. Persembahan selama 81 jam (108 sesi) telah berjaya meraih kutipan tips yang tinggi dan sekaligus mengetengahkan bakat baru ke persada seni tanah air.

Ekoran daripada kejayaan yang diraih bagi musim pertama, JKKN mengambil inisiatif untuk meneruskannya bagi musim yang kedua. Projek *BuskStop* musim kedua telah dilancarkan pada 11 Februari 2015 di Johnny's Rocket, Pavilion Kuala Lumpur oleh YBhg. Datuk Norliza Rofli, Ketua Pengarah JKKN. Projek yang dibimbing oleh kurator Reza Salleh, Fikri Fadzil dari The Wknd (Weekend) dan Hameer Zawawi ini, akan berlangsung bermula 21 Februari sehingga 30 Mei 2015 di tiga tempat di Kuala Lumpur iaitu Pavilion, Berjaya Times Square dan juga Quill City Mall.



MISI BANTUAN BANJIR JKKN



Banjir atau limpahan tebing merupakan fenomena biasa yang sering berlaku di negeri-negeri Pantai Timur setiap tahun. Fenomena banjir ini biasanya disebabkan oleh beberapa faktor seperti hujan berterusan selama beberapa hari, hakisan sungai, pemusnahan kawasan hutan dan sistem perparitan yang kurang baik. Disember 2014, negeri-negeri di Pantai Timur sekali lagi dilanda bencana banjir sehingga mengakibatkan lebih 100,000 penduduk terpaksa dipindahkan ke pusat penempatan sementara akibat kerusakan rumah, kedai-kedai serta kerosakan fizikal yang lain. Beberapa kawasan perkampungan yang berada di kawasan rendah seperti di Manik Urai dan Kuala Krai telah lenyap dan musnah dibadai arus banjir dan melibatkan kerugian bernilai jutaan ringgit. Bagi negeri Kelantan, ini merupakan antara banjir terbesar pernah melanda selepas banjir merah pada tahun 1926 dan banjir besar pada tahun 1967 yang melibatkan lebih 500,000 penduduk terjejas. YBhg. Datuk Norliza Rofli, Ketua Pengarah JKKN telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan kumpulan sukarelawan JKKN dengan gabungan Badan-Badan Bukan Kerajaan (BBK) Seni Budaya bagi membantu meringankan beban

mangsa-mangsa banjir. 8 Januari 2015 Misi Pasca Banjir JKKN telah dimulakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah (1), Kelantan bagi melaksanakan tugas pembersihan selama tiga (3) hari. Tugas utama misi ini adalah misi pembersihan lumpur di kawasan sekolah termasuk membersihkan kelas serta peralatan sekolah yang telah rosak akibat ditenggelami air. Sikap prihatin dan bantuan daripada skuad ini, sedikit sebanyak telah memberikan kelegaan kepada guru-guru sekolah tersebut. Semangat berpasukan dan ukhuwah yang terjalin sepanjang misi ini telah menjadikan tugas pembersihan terlaksana dengan baik dan teratur.

Turut bersama dalam misi ini adalah Tuan Haji Mesran b. Mohd Yusop, Timbalan Ketua Pengarah (Kebudayaan dan Kesenian) JKKN dan Encik Rosli b. Osman, Pengarah Kanan (Kebudayaan dan Kesenian) JKKN. Malah YBhg. Datuk Norliza Rofli, selaku KP JKKN sendiri turut turun padang bersama-sama pegawai dan kakitangan JKKN bagi membantu menjalankan kerja-kerja pembersihan rumah yang terlibat dengan banjir semasa misi di Tanah Merah. Selain itu, JKKN juga turut menghulurkan sumbangan berupa barang keperluan harian dan makanan kepada penduduk di Manik Urai dan Dabong yang terjejas teruk dalam bencana ini. Semoga sedikit sumbangan kudrat dan pemberian barang keperluan daripada pihak JKKN ini dapat membantu meringankan kesusahan yang ditanggung oleh mangsa-mangsa banjir yang terlibat.



Shahrizal Abdan
JKKN Ibu Pejabat



Selexyz Dominicanen: Kedai Buku “Bersejarah”


Sumber Maklumat : IlmuPengetahuan.Org



Bagi sebahagian orang, pergi ke kedai buku merupakan sesuatu yang amat membosankan. Tetapi pengasas kedai buku ini memiliki idea yang berbeza. Mereka telah berhasil mengubah galeri bukunya menjadi sesuatu yang unik sehingga mampu menarik perhatian para pecinta buku.

Kedai Buku ‘Selexyz Dominicanen’ yang terletak di Kota Maastricht, Provinsi Limburg, Belanda ini adalah sebuah bekas gereja kuno yang dibangunkan pada tahun 1294.

Sejak awal pembinaannya, bangunan besar ini sebenarnya pernah mengalami perubahan fungsi selama beberapa kali. Setelah Kota Maastricht dikuasai oleh Napoleon pada tahun 1794, gereja ini berubah fungsi menjadi tempat berkumpul bagi komuniti-komuniti yang beriman. Beberapa tahun kemudian berubah fungsi menjadi gudang, lalu menjadi sebuah jabatan, bahkan pernah dibiarkan kosong tanpa penghuni dan hanya menjadi tempat meletak kenderaan.




Gereja kuno ini lalu diubah suai oleh perusahaan arkitek 'Merkx dan Girod' dan dijadikan sebagai sebuah kedai buku. Tekstur dan material bangunan bersejarah ini menghasilkan sebuah kesan yang cukup unik. Pengunjung bukan hanya boleh membaca dan membeli 'buku', tetapi juga dapat mempelajari berkaitan sejarah bangunan tersebut.

Rak-rak buku disusun agar kelihatan rapi, mengikut konteks, dan mesra pengunjung, sesuai dengan prinsip-prinsip perpustakaan, organisasi, dan turut dimasukkan penerapan ilmu komputer.

Pada bahagian belakang kedai buku, pengunjung boleh duduk santai dan menghayati seni lukisan dinding di bumbung-bumbung dari abad ke-14. Pada bahagian belakang kedai buku ini juga, pengunjung dapat menghabiskan waktu sambil menghirup kopi dan membaca buku-buku kesukaannya kerana kedai buku ini turut menyediakan perkhidmatan 'minum santai'.

Kedai buku ini juga telah memenangi anugerah '*Lensvelt de Arsitek Interior*', dan pada tahun 2008 majalah '*The Guardian*' pernah mengangkatnya sebagai kedai buku terbaik di dunia.



Selexyz Dominicanen:

The Myths of Sarawak Batu Nabau



The existence of a boulder shaped similar to that of a huge snake is nothing new to the residents of Nyalau Muang longhouse. The boulder, famously among locals as Batu Nabau is located in Bukong, about 50 metres from the longhouse.

The Batu Nabau, measuring more than nine metres in length and two metres in diameter, straddles along the Bukong River at a place called Batu Lintang. The story of the Batu Nabau folklore resurfaces after a man of the Siamese descent from Kuala Lumpur; sworn of seeing a huge snake turn into a stone and had requested for the assistance from the locals at the Sri Aman district to seek for the truth of the story. With the help of local residents, he had painted the boulder and cleared the areas around it.

The story of the man attracted the attention of many and was quickly published in the local news. However, the mystery of the Batu Nabau did not end there as there were also rumors circling that a scripture similar to that of the Jawi alphabets were found in the central portion of Batu Nabau. What is interesting about the founding is the way of the words were arranged, with the word *alif, lam*,



nun, mim and sin in a reverse order and separating from one another.

The discovery was made by local residents who had visited the area after reading an article about Batu Nabau in the local newspaper. As Batu Nabau is slowly attracting the masses and have become a public attraction, the local authorities at the Lubok Antu district have come up with plans to turn the place into one of the tourist destinations in Sarawak and to do a thorough research to validate its origin.



Hassanal Redzuan

JKKN Sarawak



UMAI - Melanaus Sushi

(raw fish, prawn & jellyfish salad)

I am pretty sure most of us have tasted the famous Japanese dish called sushi, made from raw or half cooked fish or baby octopuses. The umai, a traditional food famous amongst the Melanau people from Sarawak shares its similarity with sushi, especially in the preparation of the dish. The umai also use raw fish meat as its main ingredient and to enjoy the food, one has to dip it in a specially prepared sauce made from ingredients such as the calamander lime, onions, chillies and ginger.

It is said that the origin of the umai was a result of fishermen preparing foods using whatever ingredients they have when going on a fishing trip. Traditionally, umai is thinly sliced rawfish marinated with the "assam payak", a sourish taste wild palm fruit, onions, chillies and salt.

There are few types of fishes that can be used to prepare the Umai, but the most common one is the 'Empirang' fish. Both prawn and squid can also be used as a substitute for fish. There are also types of fishes that can be used as ingredients in preparing umai. Fishes with fine flesh textures are often used as it allows the ingredients to mix with the flesh. At the top of the range are the white or black pomfret locally known in Sarawak as duai, while the cheaper fish used is the empirang or pihiang in Melanau. The freshness of the fish is the main criteria in preparing the umai.

This recipe is known as umai jup and umai connoisseurs claim it is the best way to eat umai because you get the original taste of the raw fish. The method of preparation is similar to the Peruvian ceviche, where the seafood is marinated in citrus. Both umai and ceviche require no physical cooking, the citrus (in this case lime) does the "cooking" - the citric acid causes the protein in the seafood to become denatured, the same way as heat does. I watched as the scallop turn from a translucent pinkish to white in a matter of minutes.

What makes umai different from ceviche is the addition of lemongrass, chillies ginger and garlic.



Very light, refreshing and appetizing with tangy flavours - the umai scallops would work very well as an appetizer. It can also be prepared as a quick lunch, as it takes less than 30 minutes to prepare it.



Hassanal Redzuan
JKKN Sarawak

NASI AMBENG

(Hasil temu bual dengan pengamal budaya ‘Nasi Ambeng’ iaitu Tuan Hj Yusof Sidek dan Puan Jamaliah Samsuri dari Parit Nawi, Muar Johor)

Sejarah Ringkas dan Asal Usul ‘Nasi Ambeng’

‘Nasi Ambeng’ adalah sejenis ‘penyajian’ hidangan masakan dan makanan tertentu masyarakat keturunan Jawa di Malaysia. Walaupun ‘Nasi Ambeng’ lebih memberi tumpuan kepada kaedah penyajian makanan, namun menu, bahan dan jenis masakan yang menjadi teras kepada ‘Nasi Ambeng’ amat sinonim dengan budaya dan pengamalannya.



‘Nasi Ambeng’ dipercayai dibawa dari Pulau Jawa oleh masyarakat Jawa yang mulai berhijrah secara beramai-ramai ke Tanah Melayu kira-kira 200 tahun yang lalu iaitu sekitar tahun 1800-an. Ketika itu, penghijrahan beramai-ramai orang jawake Tanah Melayu amat ketara kerana faktor tolakan yang berlaku di Pulau Jawa dan faktor tarikan yang berlaku di Tanah Melayu sendiri. Penghijrahan mereka yang tidak memerlukan dokumen perjalanan ketika itu telah berterusan sehingga awal tahun 1900-an. Penghijrahan beramai-ramai masyarakat Jawa ke Tanah Melayu tersebut bukan sahaja merancakkan pembangunan

ekonomi berdasarkan pertanian, tetapi juga menambahkan aktiviti dan pengamalan seni budaya di kalangan penduduk setempat yang mulai bercampur dengan orang Jawa tersebut. Selain ‘Nasi Ambeng’, budaya dan amalan lain yang dibawa bersama mereka ialah adat dan amalan Bara’an, Melek-Melek, Bejanjen, Lebaton, Serakalan dan lain-lain.

Maksud ‘Nasi Ambeng’

Nasi Ambeng adalah gabungan daripada dua perkataan iaitu ‘Nasi’ dan ‘Ambeng’. Namun di dalam masyarakat Jawa, ‘Nasi Ambeng’ disebut sebagai ‘Sego Ambeng’. ‘Sego’ bermaksud nasi dan ‘Ambeng’ adalah istilah Jawa yang khusus untuk penyajian hidangan tersebut. ‘Ambeng’ dan bukannya ‘ambang’. ‘Ambeng’ disebut dengan menggunakan ‘e’ pepet dan bukannya ‘e’ taling (di dalam sistem ejaan lama) iaitu ‘Ambeng’. Sebutan ‘Ambang’ untuk ‘Nasi Ambeng’ adalah salah kerana ‘Ambeng’ adalah nama khas yang tidak boleh diubah atau ditukar ganti.

Di dalam masyarakat Jawa, mereka sering menggunakan istilah atau perkataan ‘Ambengan’ yang merujuk kepada cara hidangan atau mempersempahkan cara pemakanan kepada tetamu di dalam sesuatu majlis. Perkataan ‘Ambeng’ juga membawa tafsiran sebagai ‘hidangan besar’. Ia membawa maksud sesuatu masakan atau makanan yang disajikan dengan jumlah yang besar dan banyak di dalam sebuah bekas yang besar yang dikenali sebagai talam atau dulang. Ini adalah selari dengan maksud ‘Nasi Ambeng’ itu sendiri yang menghimpunkan nasi dan lauk pauk dengan jumlah yang banyak di dalam sebuah bekas yang besar untuk hidangan empat atau lima orang bagi setiap bekas atau dulang tersebut. Setelah dijamah, nasi dan lauk pauk yang banyak ini kemudiannya akan diagih dan dibawa balik ke rumah dalam bentuk ‘berkat/bontrot’ untuk dinikmati dan dirasai bersama oleh ahli keluarga lain yang sedang menunggu di rumah.

RINGKASAN PEMAHAMAN MENGENAI TRADISI 'NASI AMBĒNG'

MENU

- Nasi Putih
- Ayam
- Serunding
- Sambal Jawa
- Tempe
- Ikan Masin / Gesek
- Tauhu
- Mee Goreng
- Urap (Kuluban)

PENYAJIAN Nasi Ambēng

NASI & LAUK PAUK DI DALAM TALAM ATAU DULANG BESAR

- Tetamu menjamah sedikit nasi & lauk
- Berkat / Bontrot (Nasi & lauk pauk yang tidak dimakan, dibungkus dan dibawa balik ke rumah)

KAEDAH MASAKAN

- Beras (Nasi) direbus dan ditanak
- Lauk pauk dimasak secara menggoreng / menumis
- Ayam dimasak berkuah



Mohd Zein Mohd Sahid
JKKN Ibu Pejabat



KATA SENDI NAMA

Dalam tatabahasa, kata sendi nama ialah satu golongan kata sendi yang memperkenalkan suatu frasa kata depan. Contohnya, dalam ayat “kucing tidur di sofa”. Perkataan “**di**” adalah suatu kata sendi nama, memperkenalkan frasa kata sendi nama “di sofa”. Dalam Bahasa Melayu, kata sendi nama yang paling banyak digunakan adalah “**dari**”, “**ke**”, “**dalam**”, “**untuk**”, “**dengan**” dan “**di**”. Dalam kata mudah, kata sendi nama menandakan bahawa suatu hubungan di antara perkara-perkara yang disebutkan dalam suatu ayat.

Kata sendi nama pula mempunyai pelbagai tugas.

Lihat contoh-contoh di bawah:

Sendi Nama	Tugas	Contoh
di	i) Menunjukkan tempat ii) Menunjukkan perbuatan	i) Usman telah berada di pejabat ii) dipukul , dicuci
ke	i) Menunjukkan tempat atau arah tujuan ii) Menunjukkan waktu	i) Selamah bercuti ke Indonesia ii) dari petang hingga ke malam
dari	i) Menunjukkan tempat satu arah datang ii) Menunjukkan waktu atau masa	i) Kerbau itu terlepas dari kandangnya. ii) Kami telah menunggu dari pulak 9.00 pagi
kepada	i) Menunjukkan sasaran/ditujukan ii) Menunjukkan perubahan keadaan	i) Bantuan ini diberikan kepada mereka yang memerlukan. ii) Perubahan bilik daripada kemas kepada berselerak.
daripada	i) Menunjukkan punca ii) Menunjukkan sumber atau asal sesuatu iii) Menunjukkan perbandingan	i) Cadangan daripada Ketua Pengarah. ii) Penyapu lidi dibuat daripada pelepah kelapa. iii) Gula-gula Siti lebih banyak daripada Ani.

Siti Anisah Abdul Rahman & Fauziah Ahmad
JKKN Ibu Pejabat



LEMBAR BAHASA

MASALAH UMUM TATABAHASA

SALAH**BETUL**

di alaf	pada alaf
di dalam usaha	dalam usaha
dikenalpasti	dikenal pasti
tertumpu kepada	tertumpu pada
terdiri dari 14 orang	terdiri daripada 14 orang

Sumber : Koleksi Lembar Bahasa 2008. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur

LEMBAR BAHASA KECELARUAN MENGEJA KATA MAJMUK

SALAH**BETUL**

carigali	cari gali
keretapi	kereta api
matapelajaran	mata pelajaran
tanda tangan	tandatangan
suka rela	sukarela

Sumber : Koleksi Lembar Bahasa 2,2012. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur

LEMBAR BAHASA KESILAPAN EJAAN

SALAH**BETUL**

beserta	berserta
Gembeleng/gembeling	gembengleng
kelendar	kalendar
lojik	logik
merbahaya	berbahaya

Sumber : Koleksi Lembar Bahasa 1,2013. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur

Zuriah Mohamad
JKKN Ibu Pejabat



BERAKHIRNYA SEBUAH CINTA



Malam penuh derita dalam kamar ia menangis mengenang kisah lalu. Hatinya tidak dapat melupakan sang jejaka yang pernah berkongsi perasaan kasih dan sayang. Malam itu dia tidak dapat tidur, bergenang air mata di pipi gebunya tatkala ingatannya kepada Yus semakin memuncak. Dia bingung kenapa perpisahan akhirnya terjadi jua. Di awalnya dia cuba bertahan agar cinta suci mereka diakhiri dengan ijab dan kabul. Namun takdir sememangnya tidak menyebelahi. Perancangan tuhan lebih hebat daripada apa yang manusia rancang.

Perjalanan cinta mereka bermula dengan pertemuan semasa belajar di sebuah universiti. Pertemuan yang tidak disengajakan berlaku di program yang dianjurkan oleh bahagian hal ehwal pelajar universiti. Mereka berdua bukanlah dari fakulti yang sama, namun program tersebut menjadi medan pertemuan. Yus adalah orang pertama menyampanya di hari itu, dia pada mulanya agak malu sedikit kerana masih lagi baru di universiti. Hanya menjawab ringkas sapaan Yus, dalam tersipu-sipu malu. Yus sememangnya seorang yang peramah dan suka menolong. Dalam majlis itu, Yus menjadi pengacara majlis. Dia pula sebagai penyambut tetamu dan inilah pengalaman pertamanya menjadi penyambut tetamu dalam sebuah program besar. Yus kelihatan seperti sudah berpengalaman dalam mengacara majlis, langsung tidak kekok sewaktu dia menyampaikan bait-bait kata. Adakalanya Yus turut menyelitkan pantun Melayu dengan lengok tutur yang penuh puitis. Usai program, mereka semua pulang ke asrama masing-masing. Keesokannya dia mendengar cerita program yang dilaksanakan oleh mereka mendapat pujian daripada Naib Canselor universiti itu. Perkhabarannya membuatkanya tersenyum sendirian dek kerana gembira dengan hasil kerja luar pertamanya di universiti. Sememangnya universiti merupakan gedung untuk para mahasiswa dan mahasiswa menimba ilmu. Selain daripada menimba ilmu pengetahuan, universiti juga menjadi tempat para graduan mencari pengalaman dan berkenal-kenalan serta bertukar-tukar fikiran.

Suatu hari, dia menerima panggilan telefon daripada kawannya yang mengajaknya ke satu majlis jamuan makan malam. Majlis tersebut adalah bagi meraikan kejayaan

pengajuran program tempoh hari. Hatinya melonjak kegembiraan kerana inilah peluang terbaik untuk dia bertemu dengan kawan-kawan yang bersama-sama menjayakan program tersebut. Tidak sabar rasanya menanti tarikh tersebut yang bakal tiba dalam seminggu lagi. Awal-awal lagi dia memilih baju untuk digayakan di majlis makan malam itu. Warna biru menjadi kegemarannya kerana biru melambangkan ketenangan. Malam itu, dia sampai awal di hotel tempat berlangsungnya majlis makan malam. Dia meninjau-ninjau di sekitar hotel mencari rakan-rakan yang lain. Belum ada seorang pun rakannya yang kelihatan. Dalam pada itu, hatinya turut berdebar-debar menantikan kemunculan Yus. Otaknya ligat memikirkan apa yang hendak ditanyakan sekiranya dia bertentang mata dengan si pujaan hatinya itu. Masa kian berlalu, rakan-rakannya sudah mula muncul. Mereka bergembira dan saling bersalam-salaman setelah sekian lama tidak berjumpa. Adakalanya mereka turut merakamkan saat bahagia tersebut melalui lensa kamera telefon bimbit sebagai kenangan di masa hadapan. Tetamu-tetamu jemputan kelihatan sudah sampai dan mereka hanya menantikan tetamu kehormat majlis tersebut. Mengikut atur cara yang dibekalkan, majlis akan bermula setibanya tetamu kehormat kelak. Kala itu hatinya mula tertanya-tanya dimanakah kelibat jejaka idaman hatinya. Riak wajahnya kelihatan berkerut kerana sang jejaka masih lagi tidak kelihatan. Kerisauannya bertambah setelah corong pembesar suara mengumumkan ketibaan tetamu kehormat. Majlis kini bermula dan Yus belum lagi kelihatan. Adakah dia tidak dapat menghadirkan diri disebabkan oleh perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan. Penyesalan mula menghambat dirinya dek kerana dia tidak meminta nombor telefon Yus sewaktu mula mereka berjumpa dahulu. Dia kelihatan gelisah di meja makan sambil matanya meneroka segenap ruang di hotel itu. Harapannya agar jejaka itu hadir pada saat ini.

Di pentas kelihatan persembahan pembukaan dimulakan dengan tarian oleh pelajar seni persembahan universiti. Lengkok seni tari itu membuatkan dia lupa seketika kepada Yus. Sungguh indah tarian Melayu, lebih indah bila

tarian itu digayakan oleh generasi muda pewaris di masa hadapan. Selesai persembahan, majlis seterusnya menampilkan Naib Canselor universiti mereka dengan ucapan. Dimulakan dengan bismillah sebagai pembuka bicara, ucapan diteruskan dengan bait-bait pujian kepada warga universiti yang telah menjayakan program sebelum ini. Sesuatu yang membanggakan universiti apabila program tersebut turut mendapat pujian daripada tetamu jemputan yang hadir sepanjang program itu. Ucapan itu membuatkan bibirnya mengukir senyum nipis, hatinya melonjak bangga kerana dia terlibat dalam program itu. Selesai ucapan daripada Naib Canselor, majlis diteruskan dengan persembahan-persembahan yang digarap oleh penganjur. Sambil menikmati makan malam yang telah terhidang awal mereka turut berhibur dengan persembahan pelbagai variasi. Sedang enak dia menjamah makanan, tiba-tiba kelihatan batang tubuh Yus muncul di pentas utama. Jantungnya berdebar kencang tatkala terlihat Yus yang lengkap berbusana melayu mengalunkan lagu Melayu Asli. Getarsuara Yus dengan penuh kesantunan membuatkan dia leka di meja makan. Betapa seronoknya dia di kala itu kerana dapat juga menatap wajah jejaka yang telah mencuri hatinya.

Persembahan demi persembahan berjalan dengan lancar pada malam itu. Kini giliran pengacara majlis mengambil tempat. Dia membelek jam tangan, jam sudah menunjukkan 10.30 malam. Majlis pada malam itu akan tamat seketika nanti. Yus yang tadi mengadakan persembahan di pentas kini kelihatan bersama-sama rakannya di meja berdekatan dengan mejanya. Yus kelihatan gembira sambil menjamah makanan yang disajikan. Dia cuba membulatkan tekad untuk bertemu dengan Yus selepas majlis nanti. Majlis pada malam itu ditamatkan dengan persembahan penutup oleh semua peserta yang terlibat dalam persembahan.

Semua yang hadir amat gembira dan saling bersalaman memohon diri untuk pulang ke kediaman masing-masing. Dia masih menunggu untuk bertemu sebentar dengan Yus. Seketika kemudian dia ternampak susuk tubuh Yus di pintu keluar. Cepat sahaja dia menghayun langkah menuju ke situ sambil kepalanya ligat memikirkan ayat-ayat yang hendak dilontarkan.

"Assalamualaikum... Yus," ucap Noriman memulakan kata.

"Waalaikumsalam." Balas Yus sambil mengukir senyum.

"Apa khabar Yus?"

"Khabar baik."

"Bagus persembahan awak tadi, saya sangat terhibur dan tak sangka awak boleh menyanyi dengan baik sekali."

"Terima kasih Noriman, sebenarnya saya meminati bidang seni suara sejak umur 15 tahun lagi. Saya sering menyertai pertandingan nyanyian dan daripada situ lah saya dapat belajar untuk menjadi seorang penyanyi yang baik." Yus menjawab dengan panjang lebar.

"Awak nak balik dengan apa ni?"

"Saya naik teksi tadi dan balik pun dengan teksi juga."

"Ohhh... memandangkan hari pun dah lewat malam, jom lah saya hantar awak ke asrama. Kebetulan malam ni saya datang dengan kereta sendiri."

Ajakan Yus umpama orang mengantuk disorongkan bantal. Dia tidak harus mempersia-siakan peluang yang terhidang. Namun, dia perlu meneliti dahulu ajakan Yus itu sama ada benar-benar atau sekadar ajak-ajak ayam.

"Takpe lah awak, saya balik dengan teksi aja." Jawab Noriman.

Jawapannya sudah cukup untuk mendapatkan kepastian sama ada Yus ikhlas mahu menghantarnya ataupun sebaliknya. "Janganlah macam tu awak, saya ikhlas nak hantar awak ke asrama." Yus bersungguh-sungguh mengajak.

"Lagipun dah lewat malam ni, bahaya kalau awak sorang-sorang." Sambung Yus.

Raut wajah Yus kelihatan ikhlas mahu menghantarnya pulang. Setelah berfikir seketika, lalu dia menerima pelawaan Yus.

Mereka berjalan menelusuri deretan kereta yang diletak berhampiran hotel tempat berlangsungnya majlis. Melangkah bersama bagi sepasang kekasih yang sudah lama menjalin cinta. Sampai di kereta Yus terus mempelawa dia naik dan sesudah berada di dalam, pintu kereta dirapatkan. Yus menghidupkan enjin sambil tangannya menekan punat radio. Lagu "Izinkanlah" dendangan kumpulan Q Face berkumandang. Malam itu Alza putih menjadi saksi detik pertama mereka berdua membela malam sunyi untuk pulang. Setelah sampai di asrama, dia melafazkan ucapan terima kasih kepada Yus. Yus menjawab ucapan itu dan meminta nombor telefon dia untuk mereka berhubung kemudian.

Detik itu menjadi pencetus keakraban mereka. Suatu hari Yus menelefonnya dan ingin berjumpa pada petang itu. Seperti biasa dia mempersiapkan diri dan menunggu di luar asrama. Tepat jam 5.00 petang, Yus sampai di asramanya. Pintu kereta dikuak dan dia terus masuk ke dalam. Lantas Yus memacu kereta menuju ke tengah kota. Mereka berbicara seperti biasa di dalam kereta. Sampai di sebuah restoran, Yus memberhentikan kereta dan mengajak dia turun. Dia dan Yus mengorak langkah masuk ke premis itu. Selesa membuat tempahan sambil menunggu

pesan sampai, Yus mengeluarkan telefon bimbit dari poket seluarnya. Yus leka mengakses telefon bimbitnya. Dia hanya memerhati tanpa sepatah kata. Hati kecilnya kehairanan dengan kelakuan pelik Yus pada hari itu. Biasanya Yus betah berkata-kata ketika mereka berjumpa. Setelah pesanan makanan sampai, barulah Yus bersuara menjemputnya makan. Dia membala dengan senyuman ringkas. Sambil makan Yus masih lagi membelek telefonnya. Kesunyian itu berlarutan, hanya yang kedengaran bunyi-bunyi sudu menghentak pinggan.

"Noriman..." Tiba-tiba getar suara Yus memecah suasana.

"Ya." Dia menjawab ringkas.

Yus mendiamkan diri semula. Seolah-olah ada sesuatu yang ingin disampaikan. Seperti hajat yang tersekut dan seolah ada batu besar yang menghalangnya untuk meluahkan kata. Dia hanya menunggu dengan tenang. Dia tahu Yus merupakan seorang lelaki yang suka berterus terang.

"Sebenarnya..."

"Sebenarnya apa Yus?"

"Sebenarnya saya sukakan awak Noriman." Yus berterus terang.

Kata-kata itu membuatkan bibirnya kelu seketiak. Mata bundar Yus kelihatan memandang tepat kearahnya.

"Adakah awak boleh menerima?"

Yus menunggu jawapan darinya dengan penuh sabar. Dia perlu segera menjawab kerana tidak mahu Yus menanti terlalu lama.

"Saya juga sukakan awak Yus." Noriman membala.

Kini episod panjang cinta mereka bakal bermula. Sekali-sekala mereka berjumpa dan menikmati makan tengahari bersama-sama. Adakala mereka ke perpustakaan untuk menyelesaikan tugas diberikan pensyarah secara bersama. Hari bersilih ganti bulan berganti tahun, taman cinta yang dibina antara mereka semakin utuh.

Walaupun di universiti sama, Yus sudahpun di tahun akhir pengajian manakala dia masih lagi mempunyai baki setahun untuk dihabiskan. Dia sentiasa mendoakan agar Yus berjaya dalam peperiksaan akhir seterusnya berjaya menggenggam ijazah idaman setiap mahasiswa dan mahasiswi universiti.

Setelah tamat pengajian, Yus pulang ke kampung halamannya di Sabah. Laut China Selatan menjadi pemisah antara mereka berdua. Sejak itu, mereka hanya berhubung menggunakan telefon. Sekali sekala Yus ada juga datang ke kota untuk urusan-urusan yang belum selesai. Ketika itulah mereka bersua.

Yus tidak menggangur lama kerana telah diterima menjadi guru di sebuah sekolah hanya selepas

lapan bulan tamat pengajian. Kiriman ucapan tahniah yang mampu dilakukannya kepada Yus. Dia tahu, sebagai seorang guru, Yus mempunyai masa yang agak terhad nanti. Banyak masa akan dihabiskan di sekolah bagi memastikan anak-anak muridnya berjaya. Kesibukan tugas Yus merengangkan sedikit hubungan mereka. Yus tidak seperti dahulu yang sering menghubunginya. Dia memahami dan masih mengharapkan sesuatu yang terbaik dalam hubungan mereka. Namun, istana cinta yang dibina awalnya tidak seperti yang dijangkakan. Sekeping surat diterima lewat tengahari itu memusnahkan segala-galanya. Dadanya berombak kencang apabila rangkap kata terakhir di kertas nipis itu diamati.


"Noriman, maafkan saya kerana terpaksa memutuskan hubungan cinta ini. Sebenarnya saya telah dijodohkan dengan seorang wanita pilihan ibu bapa di sini. Saya mendoakan awak akan berbahagia jua diakhirnya."

Air matanya mula bertakung dan tanpa dapat dibendung tumpah jua di pipi. Tiada lagi kata yang dapat diluahkan ketika itu. Hanya esakan tangis mengiringi lipatan surat itu.

Dia pasrah dengan ketentuan, sememangnya jodoh di tangan tuhan. Harapannya agar Yus akan berbahagia dengan pilihan keluarganya. Dia perlu tabahkan diri untuk mengharungi saat sukar ini.



Shahrizal Abdan
JKKN Ibu Pejabat



DIA PELITA DALAM HIDUPKU????

Zuriah Mohamad
JKKN Ibu Pejabat



Kadang kala, dunia sangat tidak adil pada orang seperti aku. Duniaku dicorakkan dengan warna-warna yang suram. Zaman kanak-kanak dan remajaku tidak seindah seperti mereka yang lain. Aku hidup dalam duniaku yang tersendiri. Kanvas putihku sering dikotarkan dengan berbagai tompokan-tompokan warna kehidupan. Adakalanya aku terpaksa akur dengan carikan kanvas yang seolah-olah sengaja dilakukan oleh manusia-manusia yang tidak pernah mahu memberikan warna warni dalam kehidupanku. Aku tidak berteman. Temanku hanyalah cermin-cermin yang sentiasa ada dalam sudut ruangan bilikku. Pada cerminlah aku luahkan segala yang terbuku dihati. Aku berkongsi rasa bahagia dan derita dengan bayanganku sendiri. Hanya wajah di cermin itu sajalah yang amat memahami hatiku. Kerana dia juga turut merasai apa yang aku rasa. Zahirku tampak bahagia, namun derita dalam jiwa tidak ada siapa yang sudi berkongsi rasa. Aku ada keluarga, namun aku ibarat anak tiri yang disisihkan tanpa dipeduli.

Saat melangkah ke sekolah rendah, aku membayangkan indahnya zaman persekolahanku yang dikelilingi rakan-rakan dan guru. Namun, keindahan itu hanya dalam bayangan dan angan-anganku. Aku disisih oleh kawan-kawan. Aku tidak dipedulikan oleh guru-guru. Aku belajar sendiri tanpa bimbingan guru. Aku belajar sendiri dengan mencuri pandang buku rakan-rakan di kiri dan kananku. Kadangkala, aku belajar melalui intaian dari tingkap luar kelasku. Aku selalu diminta berdiri diluar kelas kerana dianaya oleh rakan sekelasku. Aku tidak tahu punca dan sebab aku dibenci dan disisihkan.

Pernah suatu hari, kononnya aku mahu menjadi seorang sahabat yang baik, aku ketepikan kerja sekolah yang harus aku siapkan hanya untuk memberi rakan sebelahku meniru kerja sekolah terdahulu. Bodohnya aku saat itu. Kerana inginkan perhatian rakan, aku sanggup membantu rakanku membuat kerja sekolahnya. Aku salin kembali jawapan-jawapan kerja sekolah tersebut di buku rakanku. Aku menyalinnya di bawah mejaku. Kerana terlalu khusuk menyalin sehingga aku tidak sedar yang aku diperhatikan oleh guru kelasku, Miss Lata Maniska, guru berbangsa India yang selalu mencari alasan untuk mengenakan aku. Terpandangkan guru tersebut, Miza menarik keras buku latihannya. Tindakan Miza membuatkan aku terkejut dan kaku melihat wajah guru itu.

"U buat apa?" Tanya guru India itu dengan keras.
"Ermhhh Saya...." Aku kelu. Tak tahu sama ada aku ingin melindungi Miza atau sebaliknya. Miza kelihatan

tunduk.

"U pekak ke Rasya?? U buat apa?" Menanti jawapan yang tidak terkeluar dari mulutku, membuatkan guru itu jadi menyinga.

"Miza! U tahu apa yang Rasya buat?" Dilangkunya soalan yang sama pada Miza. Miza berdiri sambil kepala ditundukkan, dia menjawab.

"Rasya meniru kerja sekolah saya cikgu..." Serentak dengan jawapan Miza, aku beralih pandang wajah Miza dengan mataku yang berkaca. Dalam hatiku, aku menangis. 'Aku cuba pertahankan kau Miza...' Setitis demi setitis airmataku mengalir... Aku ingat, air mataku itu mampu meraih simpati rakan sekelasku. Malah tangisan tidak bersuaraku itu, menjadi bahan ejekan rakan-rakan.

"Bangun Rasya!!... U ni memang bodohkan.. Tak guna datang sekolah kalau U dah bodoh macam ni.." Terkesima aku mendengar kata-kata guru tersebut. Semua mentertawakan. Aku berdiri dengan kepala tunduk memandang lantai. Menghitung waktu untuk pulang ke rumah. Aku tak sanggup dimalukan sebegitu. Guru yang martabatnya mulia di mata masyarakat, rupanya adalah orang yang merosakkan jiwa anak muridnya. Jiwa aku mati mulai saat itu.. Sejak hari itu, aku digelar 'si peniru' oleh guru-guru dan rakan sekolahku. Gelaran namaku itu, menjadi hebahan di sekolah. Saat itu, tiada lagi panggilan Rasya Aisyah yang meniti di bibir rakan-rakan dan guru-guru... Pelbagai peristiwa yang menyakitkan dan melukakan aku, datang silih berganti. Aku tidak diberi perhatian oleh guru-guru dalam kelas. Setiap kali aku mengangkat tangan untuk menjawab soalan yang ditanya oleh guru, aku sering tidak dipedulikan. Malahan, setiap pagi sebelum memulakan kelas, secara rutinnya murid-murid diminta berdiri untuk menjawab soalan sifar. Yang menjawab soalan yang betul akan duduk. Dan yang tidak dapat menjawab soalan, perlu berdiri sehingga kelas tamat. Dan secara rutinnya jugalah, aku yang akan menjadi mangsa yang tidak akan duduk dan tidak diberi peluang menjawab soalan sifar. Kerana apabila tinggal seorang sahaja yang berdiri, pertanyaan sifar akan ditamatkan. Sehingga satu hari terkeluar pertanyaan dari mulutku..

"Cikgu... saya tak jawab lagi sifar... Saya angkat tangan tapi cikgu tak pernah panggil... Saya tak pernah dapat duduk.." Aku tunduk kepala... Malu hendak memandang wajah guru dan rakan-rakan yang sedang tersengih-sengih mengejekku...

Soalanku hanya dibiarkan begitu saja. Guru di hadapanku meneruskan pembelajaran pada hari itu tanpa mempedulikan aku yang sedang berdiri....Itulah rutinku hari-hari.. Sedih, apabila aku terpaksa melalui hari-hari persekolahanku sendiri tanpa perhatian teman dan guru...

Setiap kali ada program hari guru atau program yang melibatkan persembahan, aku tidak pernah dipilih untuk terlibat sama, sedangkan satu kelas turut menyertai persembahan itu. Hanya aku yang terkecuali, walau sudah puas aku merayu. Alasannya, kerana tidak ada ruang atau watak yang kosong untuk akusertai. Terkulat-kulatlah aku memandang rakan-rakan yang membuat latihan di dalam kelas. Balik rumah, aku tidak pernah menceritakan kepada keluarga apa yang berlaku kepadaku. Aku pendam sendiri. Kepada cerminlah tempat aku mengadu. Sudah menjadi rutinku untuk bercakap sendirian hingga kadang kala aku merasakan diri seperti orang yang tidak siuman.

Setiap kali peperiksaan, aku selalu dapat tempat yang akhir-akhir.Semua kata aku bodoh dan tak pandai. Aku telan semua tanggapan tu. Sebab aku belajar tanpa guru..Aku belajar sendiri. Salah atau betul apa yang aku belajar, aku sendiri tak tahu.. Sampai satu saat, aku perlu berpindah ke tempat lain kerana kehendak tugas ayahku yang memerlukannya untuk bertukar tempat kerja. Hari terakhir persekolahanku, itulah hari yang memunculkan kembali nama Rasya Aisyah. Itupun di hadapan ayahku ketika ayahku datang untuk menguruskan pertukaran sekolahku..

"Ok Rasya Aisyah... I harap U success di sekolah baru nanti ya.."Kata guru kelasku di hadapan ayahku. Mengangguk tidak, tersenyum pun tidak. Aku kaku berdiri di sebelah ayahku dengan jiwa ku yang mati..Kenapa tidak panggil saja nama 'Si peniru' seperti yang dipanggil hari-hari sebelum ini..Kenapa perlu perlakon di hadapan ayah. Aku melangkah meninggalkan sekolah yang berjaya membunuh jiwaku..

Saban hari aku lalui perkara yang serupa. Aku cuba mencari silap ku. Apa salah ku..Di mana puncanya. Tapi aku buntu. Jawapan tak pernah ada dalam diri aku.. Setiap hari, aku lalui hari-hari mendatang dengan airmata hingga sampai ketikanya, aku rasakan airmatuku sudah kering. Aku sudah puas disakiti dan disisihkan oleh guru-guru dan rakan-rakan.Herdik dan caci maki mereka itu bagaikan irama merdu di telingaku. Kebal sudah gegendang telinga ini dengan segala laungan dan nyanyian mereka.Aku sering bertanya diri sendiri. Kenapa nasib diri dan zaman kanak-kanakku tidak seindah seperti yang diimpikan? Inikah guru yang disanjung tinggi masyarakat? Muliakah pekerjaan seorang guru?Aku tahu, tidak semua guru berkelakuan tidak baik, namun aku telah dikaburi oleh guru-guru yang bertopengkan kejahatan. Majoriti zaman persekolahanku, tiada guru yang menunjukkan tingginya martabat mereka. Mereka lakarkan kekotoran atas kanvas

hidupku. Mereka bunuh jiwa dan hati ku. Sejak jiwaku dibunuh, aku tidak pernah mahu menghargai mereka. Aku membenci guru-guruku. Kenapa mesti aku yang lalui semua ni? Apakah Tuhan sudah memutuskan kasih dan sayangnya pada aku?Apakah tuhan sudah memalingkan rahmatnya padaku hingga dunia aku bagaikan gelap gelita.

Aku tiada tempat untuk mengadu melainkan berdoa kepada Dia dan melampiaskan kesedihanku pada teman cermin ku.. Sering juga aku mencoret di atas kertas, meluahkan kesedihan, kesakitan hati dan berharap agar orang lain tahu apa yang aku rasa. Betapa tak matangnya aku..Aku sedih bila mengenang kisah kanak-kanakku. Kerana itu aku ingin segera dewasa...

Namun, semuanya bergerak pantas.Aku juga yang masih mengengsot-engsot mengejar cita yang jauh berbalam-balaman. Tak jelas kelihatannya. Entah dapat dicapai entahkan musnah dalam perjalanan. Aku belajar memujuk hati agar bersabar.Namun hati aku meronta, merintih dan terus menangis. Ya Tuhan, sampai bila aku harus begini.Aku mahu berhijrah. Aku mahu belajar menyayangi manusia di sekitarku. Aku tak rela terus ditakluk rasa benci, amarah dan menidakkann kehadiran orang-orang disekelilingku.Aku tak dapat mengadu pada manusia kerana akhirnya nanti, mereka tetap mahu aku terus begini. Menjadi seperti ini.

Aku belajar untuk pasrah menerima segala yang berlaku walau aku tak rela. Aku jauh hati dengan pandangan-pandangan manusia yang menganggap aku tak berguna dan terus-terusan disisihkan. Ya Tuhan, bukakanlah jalan untuk aku mengejar kejayaan.

Ya Tuhan, aku yakin Kau dengar isi hatiku. Aku yakin Kau selalu ada di sisiku.Sejak aku kecil, aku sering merasakan keberadaan Kau di sisiku. Mungkin ketika itu, aku masih kecil untuk mengerti dan memahami pentingnya doa dalam hidup sehari-hari. Namun, kini baru aku tahu bahawa doa orang yang teraniaya itu sangat makbul. Aku kini telah berjaya membina kehidupan yang memberikan aku kebahagiaan. Aku punya keluarga, sahabat, kerjaya dan peneman suka dukaku. Namun, sehingga kini aku masih gagal untuk mengangkat martabat guru di mataku. Padaku, guru-guruku bukan pelita dalam hidupku. Aku berjaya, adalah kerana kehendak-Nya dan atas usaha aku sendiri, bukan daripada mereka yang bergelar guru.. Guru-guru di luar sana, maafkan aku.. bukan kalian yang aku maksudkan. Namun, peritnya pengalaman lalu membuatkan aku jadi begini.

"Tidak mengapa menjadi orang biasa-biasa asalkan punya hati yang luar biasa. Luar biasa baik, luar biasa cantik.. Aku ingin jadi seperti itu.. Menjadi gadis yang biasa tetapi punya hati yang luar biasa.."

Andainya aku diberi peluang untuk ku undurkan masa, tak ingin kukecapi kehidupan kanak-kanakku kembali.....

AJARAN BENCANA



Milyana Arshad
JKKN Ibu Pejabat

Dulu di sini berdiri teguh tempat berteduh
 Dulu di sini berlari riang anak bermain layang-layang
 Dulu di sini bertali arus kenderaan lancar ke kiri dan kanan
 Dulu di sini tersenyum mesra jiran disapa

Tapi hari ini
 Rumah agam itu runtuh
 Padang layang-layang disaluti lumpur dan sampah sarap
 Jalan raya berselirat wayar dan bangkai kereta
 Jiran tetangga pula entah kemana

Semuanya telah berubah sekelip mata
 Setelah bumi meruapkan airnya ke daratan
 Setelah langit mencerahkan airnya tanpa sekat

Ada ibu kehilangan anak
 Ada suami kehilangan isteri
 Ada anak kehilangan ibu dan bapa
 Ada nenek kehilangan cucu tercinta
 Ada adik kehilangan abang dan kakaknya
 Puncanya!
 Satu BENCANA yang tidak pernah dipinta.
 Tuhan sedang menguji
 Manusia sedang diuji
 Harus bagaimana kita bertindak?
 Hitam atau putihkah hati manusia sebenarnya?

Adakah perut yang lapar dibiarkan lapar?
 Dan perut yang kenyang itu terus diisi?
 Adakah yang susah dipandang sepi?
 Dan yang mewah terus mengangkat diri?
 Dada ditepuk selera ditanya.

Airmata insan tiada bayaran
 Wang ringgit bukan ukuran
 Seharusnya meneliti dan mengamati
 perlakuan kita sebelum nanti
 ditimpah bencana
 Penjajaran sungai dialih manusia
 Tetambak dibina merata
 Ladang dibuka mengikut selera
 Balak ditebang tak ikut cara
 Pintu kuala dan empang ditambah binaannya

Seharusnya,
 Kerakusan manusia ditangani
 Keimanan diri didepani
 Kealpaan ummah diinsafi

Kuasa yang Esa mengatasi segala
 Tiada yang dapat menghentikannya.
 Namun berpeganglah pada janji-Nya
 Setiap musibah pasti berhikmah.

TRADISI ZAMAN NENJULANG BANGSA



Azaha Hj. Othman
JKKN Terengganu

Terengganu sebuah negeri budaya
 Seni warisan subur terbelia
 Syair, gurindam, pantun, seloka
 Tradisi zaman menjulang bangsa.

Diperintah Sultan Mizan yang luhur
 Aktif berkuda memang masyhur
 Gamelan, rodat, saba' tidak luntur
 Pelancong melihat hati terhibur.

Gayong ota-ota juga tersohor
 Di Kampung Maras berasal subur
 Langkah laksamana berjiwa luhur
 Usaha dibuat tidak berkubur.

Tarian balai di Kuala Berang
 Kertuk ulu juga dipalu orang
 Kepada penggiat terus berjuang
 Pertahan seni budaya gemilang.

BADBARI KITA



Maroof Seman
JKKN Kelantan

Hadhari kita,
Bangkit dari sejuta kepayahan
mengharung gelombang, denai dan liku kesakitan,
demi tekad dan maruah yang dipertahankan.

Hadhari kita,
Berhemah dan berbudi
Mengental ukhuwah dan ummah cemerlang
Dengan Keimanan dan Ketakwaan.

Hadhari kita,
Membangun memperkasa minda kelas pertama.
Penuh ilmu di dada, syumul dan seimbang,
Bersatu padu, berhasrat mulia, pada jiwa yang merdeka.

Hadhari kita ,
Memahat sejarah membina tamadun.
Hadhari kita,
Tiada halangan hanyalah peluang.
Hadhari kita,
Negeri bersih budaya menarik, khazanah alam dipulihara.
Hadhari kita,
Bukan hanya sekadar laungan slogan
Tapi satu pendekatan berintikan ilmu,
Menjana modal insan.

Hadhari kita,
Berfikir, bersyukur dan menginsafi akan kekerdilan diri
Serta kekuasaan Tuhan,
Merentasi mata hati dan akal yang tajam.

TERIMA KASIH, TUHAN!



Azaha Hj. Othman
JKKN Terengganu

Terima kasih, Tuhan!
Kau uji sabar dan kesetiaan
Kau duga kasih dan sayang
Kau aju aku pelbagai persoalan
Kau ulik hati dan perasaan
Kau duga sukar dan kepayahan
Kau dendang suka dan keceriaan
Kau temukan aku kawan dan lawan
Kau satukan aku dengan isteri kesayangan
Kau zahirkan aku anak penyeri kehidupan
Kau kenalkan aku dengan segala macam.
Terima kasih, Tuhan!
Dalam kegelapan di dunia yang fana ini
Kau hantarku cahaya
Penunjuk jalan kebenaran.

Ya Allah, Ya Tuahanku!
Aku bermohon kepadamu
Agar setiap niat di kalbu
Langkah dan kerjaku
Amal ibadatku
Memberi manfaat
Kepada agama, bangsa dan negaraku.

Terima kasih, Tuhan
Beriku nikmat kehidupan.

BAB: MUSIBAH & NUHASABAH



Jaafar Rani
JKKN Terengganu

Dengan lembut dan dingin
Dengan adab santun yang akrab
Bersama gerak ia membelit resah
Resah gelisah membasa ditanah
Tanah dipulas dibidas musnah rumah
Rumah diratah dimamah parah
Parah hati bernanah gundah
Gundah sesekiannya tiada gundah

Ombak itu penyimpulkan seluruh urat nadinya
Dengan kehendak-Nya
Menjerut resah yang terkepung
Menimbus rindu yang terbendung
Meragut cinta yang tersadung
Membilas dosa yang terapung
Pada bingkai mimpi negeri ini

Bah itu rahmat
Bah itu nikmat
Bah itu jalan pulang
Bah itu pembersih halaman

Tiba di perbukitan musim ini
Bah telah merubah
Selamat tinggal semalam
Terima kasih menunjukkan jalan pulang.

LAYANG-LAYANG BIRU ITU



Muhd Izuan Zakaria
JKKN Terengganu

Layang-layang biru itu
Terbang tinggi di awan biru.
Kudongak ke langit
Kulihat layang-layangku ditemani 7 warna pelangi..
Kudongak lagi
Terbias indah 7 jalur suci.

Diiringi bayu yang membela
Layang-layangku terus menari
Menari bersama bayu..
Menari bersama rindu..
Menari bersama pilu..
Menari bersama sendu..dan akhirnya....
Layang-layangku menari bersama....bayang...

TENGKUJUH



Mohd Raziff Rosman
JKKN Terengganu

Badai itu "aku..."
Akulah badai itu....
Angin itu "engkau..."
Engkaulah angin itu...
Siapa yang merubah pasir di pantai?
"Aku...Engkau.." yang menelan kemarau dan melahirkan banjir..
Tidak berganjak walau ada khilaf..
"Aku...Engkau.." sering bertemu walau ada bidasan...
TENGKUJUH...

BAHASA, TAK USAH DIROJAKKAN..



Zuriah Mohamad
JKKN Ibu Pejabat

Isu 'bahasa rojak' bukanlah sesuatu yang ganjil lagi di negara ini. Di Malaysia, 'bahasa rojak' merujuk kepada percakapan yang beralih kod, iaitu mencampurkan pelbagai bahasa ke dalam satu pertuturan, namun bahasa dasarnya adalah bahasa Melayu. Ke mana sahaja kita pergi, sudah tentu amalan penggunaan 'bahasa rojak' ini menjadi mainan di bibir generasi masa kini. Penuturnya seolah merasa bangga saat 'bahasa rojak' ini terpacul dari bibir mereka sehingga 'bahasa rojak' telah menjadi satu virus yang semakin menular di Malaysia. Pencemaran bahasa dianggap sebagai satu perkara yang remeh dan tidak dititikberatkan. Kewujudan penggunaan 'bahasa rojak' dalam kalangan masyarakat, terutamanya golongan remaja secara amnya akan menjelaskan aktiviti pembelajaran bahasa sedangkan bahasa melambangkan jati diri individu.

Penggunaan 'bahasa rojak' dan bahasa singkatan yang semakin berleluasa dikatakan telah mencemari martabat Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara kita. 'Bahasa rojak' telah digunakan secara meluas terutama di kalangan remaja bandar di Malaysia.

Para pengkaji bahasa di Malaysia khususnya, menganggap penggunaan 'bahasa rojak' ini sebagai bahasa yang tidak betul dan sekaligus akan

menimbulkan krisis dalam pembelajaran bahasa. Isu merojakkan Bahasa Melayu menjadi isu kontroversi di kalangan pengkaji bahasa. Penggunaan 'bahasa rojak' telah memberi gambaran wujudnya keadaan bahasa yang tidak stabil dalam masyarakat. Keadaan ini berlaku akibat daripada kemerosotan dan kehilangan kualiti, nilai serta ciri unggul Bahasa Melayu selaku Bahasa Kebangsaan.

Penggunaan Bahasa Melayu yang betul dilihat semakin dipinggirkan dalam mengharungi dunia globalisasi. Ini merupakan satu petanda yang amat buruk bahawa bangsa berkenaan sedang mengalami kehilangan bahasa.

Secara dasarnya, penggunaan 'bahasa rojak' merupakan satu perkara yang negatif dan sukar untuk diterima ramai kerana implikasi terhadap penggunaan 'bahasa rojak' akan menurunkan kedudukan Bahasa Melayu dan seterusnya negara akan memiliki bangsa yang gagal berkomunikasi dengan baik. Penggunaan 'bahasa rojak' boleh menjelaskan keberkesanan komunikasi dalam masyarakat sekaligus menimbulkan salah faham, mengurangkan mutu penguasaan Bahasa Melayu dan akan terus merosot, lemah serta terhakis. Penyalahgunaan bahasa ini juga boleh mengakibatkan kesan kepada bahasa ilmu, bahasa pentadbiran, bahasa undang-undang, budaya serta lain-lain lagi.

● CONTOH BAHASA ROJAK: 'BAHASA ROJAK' (BAHASA MELAYU CAMPUR BAHASA INGGERIS)

Aku bagi kau **last warning** (amaran terakhir) kali ini ya!

Janganlah **judge** (nilai) aku yang bukan-bukan, **try** (cuba) selidik dulu and (dan) kenal **each other** (satu sama lain) dulu.

● 'BAHASA ROJAK' (BAHASA MELAYU CAMPUR BAHASA CINA)

Nak makan sini ke nak **tapau** (bungkus)?

Jangan susah hati **maa, lu** punya bos mesti boleh **kaw tim** (bertolak ansur) punya maa!

Apasal (Kenapa) **lu** buat ini **kerja cincai** (tak sempurna)?

Bagi mengelakkan berlakunya rempuhan gelombang globalisasi yang akan menyebabkan kualiti bahasa kian terjejas dan tercemar, langkah bagi mengatasi penggunaan 'bahasa rojak' ini daripada terus berleluasa perlu diambil agar Bahasa Kebangsaan kita tidak terus hilang martabat dan kedaulatannya. 'Bahasa, tak usah dirojukkan.'

Justeru, bagi menghalang Bahasa Melayu daripada terus dipengaruhi unsur luar secara melulu, para pemimpin, masyarakat, agensi-agensi, institusi-institusi dan pendidik perlulah terus memupuk generasi muda dengan memberi bimbingan dan teladan kepada mereka agar sikap menghargai bahasa rasmi negara ini dapat berterusan.

Rujukan

1. James T. Collins, *Bahasa Melayu Bahasa Dunia. Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu*.
2. Arba'ie Sijud, Adi Kasran Abdul Azizi, Ahmad Yusoff Buyong, Zaitul Azma Zainal Hamzah, *www.dbp.gov.my, Pusat Rujukan Melayu @ DBP*
3. *4. Rujukan Internet*

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN DAN CABARANNYA

Shahrizal Abdan
JKKN Ibu Pejabat



Bericara soal kebudayaan, tidak hanya terikat kepada tarian, nyanyian, drama atau muzik. Kebudayaan sesuatu yang amat luas mencakupi keseluruhan cara hidup. Kebudayaan berasal daripada perkataan Sanskrit iaitu 'buddayah' yang merupakan kata jamak bagi buddhi bermaksud budi pekerti atau akal. Kebudayaan juga boleh diertikan sebagai keseluruhan fikiran dan idea, adat resam dan kepercayaan, ilmu dan kesenian yang dikongsi bersama oleh semua kumpulan masyarakat. Kebudayaan mempunyai hubungan yang erat dengan masyarakat. Setiap masyarakat mengamalkan budaya yang diperturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain.

Di Malaysia, sebuah negara yang didiami oleh pelbagai bangsa menjadikan kebudayaan sangat penting dalam memelihara kerukunan dan memacu pembangunan negara. Proses perancangan sesebuah negara memerlukan perincian yang rapi bagi melahirkan cara hidup bersifat Malaysia. Bagi memelihara keharmonian dan mewujudkan sebuah negara yang stabil, maka pada tahun 1971, Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) diwujudkan. Kewujudan ini bertitik tolak daripada Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. DKK digubal sebagai panduan dalam membentuk dan mengekalkan identiti negara.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah berlandaskan tiga (3) prinsip iaitu :-

1. Berteraskan rakyat asal rantau ini;
2. Unsur-unsur lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan; dan
3. Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

Berteraskan rakyat asal rantau ini membawa satu maksud yang besar di mana ianya bersandarkan kepada fakta sejarah dan kedudukan negara yang menjadi pusat tamadun di rantau ini dan juga pertemuan pedagang-pedagang dunia semenjak lebih 2000 tahun dahulu. Rantau ini juga diertikan dari sudut geografinya merangkumi Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Brunei, Thailand dan Kampuchea serta Kepulauan Selatan Pasifik (Polynesia, Melanesia dan Oceania) sehingga Malagasi yang merupakan kawasan utama membentuk tamadun atau budaya Melayu. Budaya Melayu pada masa ini merupakan cara hidup, lambang identiti dan asas ukuran kepada lebih 200 juta umat manusia yang menuturkan satu rumpun bahasa yang sama.

Manakala, unsur-unsur lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan pula merupakan prinsip kedua di dalam pembentukan dasar ini. Prinsip ini amat bersesuaian dengan keadaan negara yang didiami oleh masyarakat pelbagai bangsa dan berbilang budaya. Dengan itu, unsur-unsur budaya Cina, India, Arab, Barat dan lain-lain yang sesuai wajar diberi pertimbangan dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Namun begitu, penerapan unsur ini mestilah terkawal dan tiada percanggahan dengan Perlembagaan Negara, prinsip-prinsip Rukun Negara, dan kepentingan nasional serta asas-asas moral dan kerohanian sejagat khususnya kepada Islam sebagai agama rasmi negara.

Di akhirnya, prinsip DKK ini meletakkan Islam menjadi unsur penting dalam pembentukannya. Agama atau kepercayaan kepada tuhan menjadi nadi penting dalam proses pembangunan negara serta pembentukan rakyat yang berakhhlak dan berperibadi mulia. Agama Islam memberi panduan kepada umat manusia dalam mengimbangi usaha mengisi kehendak-kehendak emosi dan fizikal.

Jika diperhatikan dari dasar yang telah dijelmakan oleh Kongres Kebudayaan 1971, DKK sememangnya mempunyai kewarasan tersendiri. Tiga prinsip DKK telah diterima bagi membina satu budaya bangsa negara dan diterima oleh kerajaan sebagai salah satu Dasar Negara. Kebudayaan Kebangsaan ini juga bertindak sebagai lambang kebesaran dan simbol perpaduan negara yang dapat membangkitkan emosi, rasa kepunyaan, rasa kebanggaan terhadap negara melalui Bahasa Kebangsaan, bendera negara, lagu kebangsaan, kedudukan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara, institusi di-Raja dan juga demokrasi berparlimen.

Melalui DKK, perpaduan dan keutuhan dibina dan dipupuk melalui satu bahasa iaitu Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan satu kebudayaan iaitu Kebudayaan Kebangsaan. Kebudayaan Kebangsaan adalah berteraskan kebudayaan asal masyarakat di rantau ini. Pengamalan kebudayaan masing-masing dalam rangka kesukuan dan batas-batas tertentu adalah terjamin dalam Perlembagaan Negara.

Selain daripada tiga prinsip utama yang membentuk DKK, terdapat juga tiga (3) objektif utama yang turut menjadi pembentuk dasar ini iaitu:-

1. Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan;
2. Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan yang tumbuh daripada Kebudayaan Kebangsaan;
3. Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosio-ekonomi.

Keperluan utama terhadap Kebudayaan Kebangsaan bagi sebuah negara membangun dan mempunyai penduduk berbilang kaum adalah dalam memelihara perpaduan, meningkatkan kualiti kehidupan manusia yang seimbang antara ekonomi, sosial dan politik.

DKK ibarat sebatang pokok yang perlu sentiasa disiram dan dibajai. Bagi memastikan tahap perpaduan ini sentiasa mekar, pelbagai program telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sejak mula tertubuhnya kementerian ini. Program Rumah Terbuka Malaysia misalnya, merupakan salah satu program yang masih kekal sehingga hari ini. Pengiktirafan perayaan bagi setiap kaum oleh kerajaan sememangnya satu langkah yang baik dalam memelihara perpaduan antara kaum. Perayaan-perayaan kaum ini turut dijadikan sebagai acara kebangsaan dan diadakan saban tahun dengan dihadiri oleh pemimpin-pemimpin utama negara. Melalui program ini pelbagai persembahan kesenian merangkumi kaum-kaum utama di Malaysia dipersembahkan. Makanan tradisional kaum yang melambangkan Malaysia juga turut dijadikan menu untuk tetamu. Di sini juga pakaian tradisional masyarakat turut diserahkan. Kita tidak kekok lagi sekiranya melihat kaum India berbusana Melayu dan kaum Cina pula menggayakan sari di majlis-majlis perayaan. Kita juga barangkali sudah tidak janggal lagi melihat kaum Cina menikmati ketupat bersama rendang. Scenario ini memperlihatkan kepada kita bahawa unsur penerimaan DKK itu sudah jelas terlihat di kalangan masyarakat Malaysia.

Penerusan dasar ini juga turut dijelmakan dalam program-program anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesienan Negara, misalnya program-program yang bersifat persembahan pentas tidak hanya tertumpu kepada satu bangsa sahaja tetapi turut melibatkan bangsa-bangsa utama lain di negara ini. Tidak hanya persembahan pentas, program-program JKKN juga turut mengangkat budaya setempat misalnya melalui Program Merakyatkan Seni Budaya (PMS). PMS diadakan bertujuan bagi mendekatkan masyarakat umum kepada kegiatan seni dan budaya. Di samping menyemarakkan seni budaya, PMS juga menjadi medium penting dalam pemupukan nilai-nilai murni dan semangat kerjasama serta toleransi di kalangan masyarakat.

Kini di alaf baharu, negara semakin dicabar oleh kuasa teknologi, persaingan kian memuncak. Anak muda semakin dikuasai oleh teknologi ciptaan manusia. Abad ini menyaksikan satu cabaran yang besar bagi DKK untuk diterjemahkan kepada generasi muda yang kian alpa dengan teknologi. Ruang teknologi terbuka ini menjadikan budaya barat sebagai ikutan dan adat serta tatususila rakyat Malaysia kelihatan semakin luntur. Anak muda kini galak memperagakan fesyen-fesyen ciptaan negara barat. Mereka juga lalai mengalunkan lagu-lagu artis barat. Kesan daripada pengaruh teknologi ini menjadikan ramai anak muda terjebak dalam konflik kehidupan dan menjerumus kepada kerosakan moral.

Amalan asas seperti membongkokkan badan tatkala lalu di hadapan orang yang lebih tua kini jarang lagi kelihatan. Manakala suasana mesra ketika berhimpun bersama keluarga suatu ketika dahulu kini bertukar bisu bila mana masing-masing leka dengan gadget yang semakin menjajah.

Dalam hal ini, pembangunan kebudayaan memerlukan satu strategi dalam meningkatkan kesedaran dan kemahuan semua peringkat dan lapisan untuk bertindak. Kita tidak mahu generasi muda sebagai pemimpin masa depan terus alpa dibuai arus teknologi. Bagi mengembalikan generasi muda masa kini ke landasan yang tepat, penglibatan semua pihak amat penting dalam melaksanakan dasar ini. Pemahaman dalam hal ini akan membangkitkan rasa cinta kepada negara dan sekaligus melahirkan masyarakat berbudaya dan hidup dalam harmoni.



Gerakan pemeliharaan dan pembangunan kebudayaan negara seharusnya mengaplikasikan teknologi sebagai medium dalam menyebarluaskan seni dan budaya negara.

Misalnya melalui program-program televisyen seperti rancangan animasi yang diminati kanak-kanak. Unsur-unsur adat dan budaya masyarakat Malaysia boleh diselitkan dan secara tidak langsung ianya akan lekat dihati kanak-kanak. Bagi golongan remaja pula, rancangan-rancangan yang diminati mereka seperti program di stesen televisyen berbayar juga boleh dijadikan medium untuk menanamkan budaya masyarakat Malaysia. Dalam hal ini, stesen televisyen bukan hanya memikirkan keuntungan semata-mata malah perlu mengambil inisiatif dalam mengangkat dan menanam budaya masyarakat sebagai salah satu tanggungjawab sosial kepada negara.


Harapan kita agar Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini terus menjadi nadi penting negara ke arah menuju Wawasan 2020. Semoga melalui DKK, keharmonian negara akan sentiasa terpelihara dan sekaligus memacu pembangunan negara ke arah masa depan dan penyerahan tamadun yang gemilang.



Rujukan


1. A. Aziz Deraman, *Falsafah dan Pemikiran Dasar Kebudayaan Kebangsaan*, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, 10 Oktober 1986.
2. YM Dato' Tengku Alaudin b. Tengku Abd. Majid, *Memahami Kebudayaan Malaysia*, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 8 Julai 1993.
3. Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, *Perbincangan Mengenai Dasar Kebudayaan Kebangsaan Sempena Pertemuan / Himpunan Pra Kongres Kebudayaan Kebangsaan 2001*, 21 hingga 22 Oktober 2000.
4. www.pmr.penerangan.gov
5. Wikipedia Ensiklopedia Bebas Bahasa Melayu

BAHAN BACAAN PILIHAN



Tajuk Buku :
Muzik Malaysia
(Tradisi Klasik, Rakyat dan
Sinkretik)
Penulis : Patricia Matusky &
Tan Sooi Beng

Muzik Malaysia: Tradisi Klasik, Rakyat dan Sinkretik merupakan buku rujukan dan teks yang digunakan secara meluas oleh pelajar-pelajar muzik di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia dan luar Negara. Skor dan transkripsi serta maklumat pelbagai muzik dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak juga menjadi bahan rujukan penting untuk guru-guru sekolah menengah tempatan. Buku ini mengandungi deskripsi beberapa bentuk muzik baru, nota pendengaran dan contoh-contoh muzik tradisional yang dimuatkan dalam dua cakera padat (CD).



Tajuk Buku :
Performing Arts Management
Penulis : Tobie S. Stein &
Jessica Bathurst

Performing Arts Management: A Handbook of Professional Practices merupakan buku panduan dan amalam profesional yang mengetengahkan ilmu dan kepakaran daripada lebih 150 penggiat-penggiat seni yang profesional dalam mengendalikan perkara-perkara yang berkaitan pengurusan seni persembahan berlandaskan penyelidikan dan pengalaman dalam usaha melahirkan pakar yang kreatif dan inovatif dalam pengurusan seni persembahan.

Buku-buku ini sewajarnya menjadi keperluan bukan sahaja bagi pelajar jurusan seni kreatif tetapi juga para pentadbir, pengajar, pengurus dan pengamal industri seni tanah air. Boleh didapati di Pusat Sumber Seni Budaya, JKKN!!



Zuriah Mohamad
Siti Anisah Abdul Rahman
Fauziah Ahmad
JKKN Ibu Pejabat


BUKU TERBITAN BARU JKKN



Seni Berbari

Penulis : Mardiana Ismail
Harga : RM 34.00


Buku ini memperkenalkan Ketokohan Tok Bari, transkripsi cerita serta keunikan dan keistimewaan Seni Berbari kepada pembaca dan para penyelidik. Buku ini juga mencakupi penulisan mengenai ciri-ciri, bentuk dan fungsi persembahan Seni Berbari sebagai panduan untuk mahasiswa, mahasiswi dan peminat teater bagi merangsang minat mereka terhadap teater tradisional tanah air.



The Traditional Musical Instruments Of The Malays in Malaysia

Penterjemah : Pn Surinam Yusof
Harga : RM 27.00

Buku ini berkaitan kajian mengenai alat-alat serta bentuk-bentuk muzik tradisional di Malaysia yang berkembang dalam sesebuah masyarakat.



Bobolian : Seni Teater Etnik Dusun

Penulis : Marlenny Deenerwan
Harga : RM 34.00

Buku ini berkaitan penyelidikan seni teater dan kegiatan ritual yang telah mendedahkan kolaborasi unik antara bidang perbomohan dengan bidang seni teater dalam membina kelangsungan hidup sesebuah masyarakat.



Perubahan Sosio Budaya Dalam Masyarakat

Penulis : Hanisa Hassan
Harga : RM 33.00

Buku ini memberi gambaran terhadap proses-proses perubahan yang terjadi dalam sesebuah budaya agar kita mengerti akan sifat kebudayaan yang sentiasa berubah. Perubahan ini adalah perlu bagi menjamin kelangsungan wujudnya dalam zaman yang sedang dilalui.



Malaysian Weddings









Harga : RM 28.00

Buku ini berkaitan adat istiadat perkahwinan kaum-kaum di Malaysia yang merangkumi dari segi adat, pakaian dan aksesori perkahwinan yang terdiri daripada perkahwinan kaum di bawah :

Perkahwinan Masyarakat Melayu
Perkahwinan Masyarakat Cina
Perkahwinan Masyarakat India
Perkahwinan Suku Kaum Kadazan, Sabah
Perkahwinan Suku Kaum Iban, Sarawak
Perkahwinan Masyarakat Baba dan Nyonya
Perkahwinan Masyarakat Punjabi (Sikh)
Perkahwinan Masyarakat Orang Asli Malaysia

BIL	TAJUK	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI BELIAN
1.	1000 Pantun Dondang Sayang	20.00	
2.	Adat Istiadat Perkawinan Tradisional Melayu Terengganu	14.00	
3.	Adat Resam Masyarakat Malaysia	18.00	
4.	Alam Terbanteng Merjadi Guru	20.00	
5.	Alat-alat Muzik Dan Muzik Instrumental Kadazan Dusun Tambunan	8.50	
6.	Alat Muzik Sompoton Negeri Sabah	8.50	
7.	Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu di Malaysia	13.50	
8.	Anak Raja Gondang dan Lain-Lain Cerita Makyung	15.00	
9.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kultip Tebal)	43.00	
10.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kultip Nipis)	35.00	
11.	Acting Aspect in Bangsawan Theatre	35.00	
12.	Bahasa Dijajaran Masa	15.00	
13.	Biografi Tokoh Budaya Negeri Perlis	25.00	
14.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Jilid 1)	20.00	
15.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Mandarin)	20.00	
16.	Plural Culture & Society In Malaysia	12.00	
17.	Bahasa Melayu Titian Ilmu (Jilid II)	20.00	
18.	The Malays Language : Bridge To Knowledge (Volume II)	20.00	
19.	Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Negara (Jilid III)	20.00	
20.	Biografi Primadona Bangsawan : Aminah Nani	12.00	
21.	Dondang Sayang Tradisi Negeri Melaka	10.00	
22.	Gagasan 1Malaysia Melalui Landasan Seni dan Budaya	35.00	
23.	Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia	18.00	
24.	Hari-hari Perayaan Masyarakat Malaysia (Bahasa Mandarin)	35.00	
25.	Malaysian Festivals	25.00	
26.	Istiadat Naik Buai	8.50	
27.	Joget Gamelan Terengganu & Pahang	78.00	
28.	Joget Lambak	10.00	
29.	Kamus Lundiyeh	45.00	
30.	Karjet	25.00	
31.	Gambus : Sejarah, Instrumentasi & Gaya Permainan Di Johor	20.00	
32.	Malaysian Customs & Traditions	28.00	
33.	Kebudayaan Malaysia (Kultip Tebal)	20.00	
34.	Kebudayaan Malaysia (Kultip Nipis)	17.00	
35.	Linkan Lirik	30.00	
36.	Malaysian Culture (Kultip Tebal)	20.00	
37.	Malaysian Culture (Kultip Nipis)	17.00	
38.	Kisah Ombak Tiga Bersaudara	23.00	
39.	Koleksi Puisi Tradisional Berbales Pantun Merakam Zaman	35.00	
40.	Koleksi Lagu-lagu Koir Kebangsaan (Bersama CD)	33.00	
41.	Koleksi Pengenalan Tarian & Muzik Tradisional Negeri Pahang	10.00	
42.	Negeri Kebayan dan Lain-Lain Cerita	15.00	
43.	Nyanyian Rakyat Khazanah Bangsa Yang Hilang	12.00	
44.	Pantun Warisan Rakyat	15.00	
45.	Pemikiran Kesusastraan : Wajah dan Wadah Kebudayaan Kebangsaan	16.50	
46.	Penyair Laut J. M. Aziz (Kultip Tebal)	35.00	
47.	Penyair Laut J. M. Aziz (Kultip Nipis)	30.00	
48.	Perkahwinan Masyarakat Di Malaysia	32.00	
49.	Resepi Nasi 100	30.00	
50.	Sejarah dan Perkembangan Tarian Perlis	8.50	
51.	Seri Terengganu	25.00	
52.	Seniman Negara Ke-7 Datuk (Dr) Ahmad Nawab	45.00	
53.	Set Koleksi Siri Mengenal Budaya 1/2003 (Dabus, Hamdolok,Mek Mulung, Dilir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kultip)	48.00	
54.	A Collection Of Cultural Appreciation Series 1/2003 (Dabus, Hamdolok,Mek Mulung, Dilir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kultip)	48.00	
55.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Dabus	10.00	
56.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Kompong Jawa	15.00	
57.	Siri Tokoh Anugerah Seni Negara (Haji Abdul Rahman Abu Bakar, Datuk Dr. Ahmad Nawab bin Nawab Khan dan YB. Senator Tan Sri Datuk Jins Shamsudin)	42.00	
58.	Syar Asyiqin	12.00	
59.	Syed Alwi Seniman Negara (Kultip Tebal)	52.00	
60.	Syed Alwi Seniman Negara (Kultip Nipis)	30.00	
61.	Syed Alwi Artiste Extra Ordinaire	30.00	
62.	Tamadun Rumpun Budaya Melayu	20.00	
63.	Tradisi Lisan Berarak Cerita	30.00	
64.	Wayang Gedek Kesenian Warisan Melayu	15.00	
65.	Monograf Seni Budaya Bil. 1	30.00	
66.	Monograf Seni Budaya Bil. 2	25.00	
67.	Busana Tarian-tarian Malaysia (Kultip Tebal)	44.00	
68.	Busana Tarian-tarian Malaysia (Kultip Nipis)	33.00	
69.	Bobolian : Seni Teater Etnik Dusun	34.00	
70.	The Traditional Musical Instruments Of The Malays In Malaysia	27.00	
71.	Seni Berbari	34.00	
72.	Perubahan Sosio Budaya Dalam Masyarakat	33.00	
73.	Malaysian Weddings	28.00	

KATEGORI BUKU



KATEGORI CD/VCD/DVD

BIL	TAJUK	KATEGORI	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI BELIAN
1.	Bangswaan 5 Bersaudara	DVD	20.00	
2.	Bangswaan Celoron Cheloreng	DVD	20.00	
3.	Festival Tari Kebangsaan 2009	DVD	20.00	
4.	Gerak	DVD	10.00	
5.	Inspiratori 2010	DVD	20.00	
6.	Inspiratori 2011 : Inspirasi Tari Malaysia (Bersama Buku)	DVD	30.00	
7.	Inspiratori 2012	DVD	20.00	
8.	Inspiratori 2013	DVD	26.00	
9.	Konsert Dir.. Koir Kebangsaan Malaysia	DVD	10.00	
10.	Pembelajaran Tarian-Tarian Malaysia	DVD	15.00	
11.	Senam 1 Malaysia (Baru)	DVD	10.00	
12.	Senam Seni (Lama)	DVD	10.00	
13.	No Wrong Notes	DVD	10.00	
14.	Konsert Koir Kebangsaan - Kembara Muzikal Teater & Filem	DVD	20.00	
15.	Dodo Si Manja	VCD	10.00	
16.	Festival Kesenian ASEAN	VCD	10.00	
17.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2003	VCD	10.00	
18.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2004	VCD	10.00	
19.	Kesenian Tradisional Negeri Melaka	VCD	10.00	
20.	Majlis Kenduri Adat Melenggang Perut	VCD	10.00	
21.	Perkahwinan Adat Rembau	VCD	10.00	
22.	Persembahan Wayang Gedek Seri Asun	VCD	10.00	
23.	Selampit Raja Besar Ho Gading	VCD	10.00	
24.	Semangat Merdeka	VCD	10.00	
25.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Jikey	VCD	10.00	
26.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Hamdolok	VCD	10.00	
27.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Mek Mulung	VCD	10.00	
28.	Tarian Tradisional Terengganu	VCD	10.00	
29.	Tunas Budaya	VCD	10.00	
30.	Upacara Pasak Indong : Majlis Kenduri Adat Kaum Tidong	VCD	10.00	
31.	Gasing Malaysia	VCD	10.00	
32.	Bintang Asli Remaja 2006	CD	15.00	
33.	Dendangan Indera Kayangan	CD	10.00	
34.	Dendang Rakyat Terengganu	CD	10.00	
35.	Folk Tunes of Malaysia / Irama Lagu-Lagu Rakyat Malaysia	CD	10.00	
36.	Irama Asli (Minus One)	CD	20.00	
37.	Irama Malaysia (Minus One)	CD	20.00	
38.	Keroncong	CD	10.00	
39.	Lagu-Lagu Bongai	CD	10.00	
40.	Lagu-Lagu Melayu Sarawak : Tergeleng-geleng	CD	10.00	





SUDUT MEMORI JKKN





JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

ARAS 16,18,19,26,27,30 DAN 34
LOT 1001, MENARA TH PERDANA
JALAN SULTAN ISMAIL
50250 KUALA LUMPUR
No. Tel : 03-2614 8200
Faks : 03-2697 0884

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Perlis,

Kompleks JKKN Perlis,
Persiaran Wawasan Kangar,
01000 Kangar,
PERLIS INDERA KAYANGAN.
No. Tel : 04 - 979 3604
No. Faks : 04 - 977 0117

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kedah,

Kompleks JKKN Kedah,
Lot PTD 400,
05250 Alor Setar,
KEDAH DARUL AMAN.
No. Tel : 04 - 731 5930
No. Faks : 04 - 733 8128

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pulau Pinang,

Kompleks JKKN Pulau Pinang,
Kompleks Pusaka Warisan Seni,
Lot No. 2180 Jalan Rawang,
Off Jalan P. Ramlee,
10460 PULAU PINANG.
No. Tel : 04 - 281 7791/7792
No. Faks : 04 - 281 7781

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Perak,

Kompleks JKKN Perak,
Lot 20561 @ 20565,
Jalan Cardwell, Off Jalan Raja Di Hilir
30350 Ipoh,
PERAK DARUL RIDZUAN.
No. Tel : 05 - 253 7001
No. Faks : 05 - 241 7017

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Selangor,

Lot 22.2 Tingkat 22, Wisma MBSA
Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam,
SELANGOR DARUL EHSAN.
No. Tel : 03 - 5510 2664/2791
No. Faks : 03 - 5510 2839

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan,

Kompleks JKKN WPKL,
Jalan Tun H.S Lee,
50000 KUALA LUMPUR.
No. Tel : 03 - 2072 6431/6779
No. Faks : 03 - 2070 4064

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sembilan,

Kompleks JKKN Negeri Sembilan,
Jalan Sungai Ujong,
70200 Seremban,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.
No. Tel : 06 - 767 6793/763 6308
No. Faks : 06 - 763 4417

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Melaka,

Kompleks JKKN Melaka,
Lebuh Ayer Keroh,
75450 MELAKA.
No. Tel : 06 - 233 1790/233 1787
No. Faks : 06 - 233 1784

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Johor,

Aras 6 Kiri, Wisma PERKESO,
No 26, Jalan Susur 5,
Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin,
80200 Johor Bahru,
JOHOR DARUL TAKZIM.
No. Tel : 07 - 224 8270/223 1249
No. Faks : 07 - 223 9413

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pahang,

Kompleks JKKN Pahang,
Lot 57100, Jalan Tok Sisek,
25000 Kuantan,
PAHANG DARUL MAKHRUM.
No. Tel : 09 - 517 8466
No. Faks : 09 - 517 9466

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Terengganu,

Kompleks JKKN Terengganu,
Kuala Ibai,
20400 Kuala Terengganu,
TERENGGANU DARUL IMAN.
No. Tel : 09 - 617 8831
No. Faks : 09 - 617 8832

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan,

Lot 1993, Seksyen 49, Tanjung Chat,
15200 Kota Bharu,
KELANTAN DARUL NAIM.
No. Tel : 09 - 741 7000
No. Faks : 09 - 741 7004

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Sarawak,

Tingkat 5 Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93000 Kuching, SARAWAK.
No. Tel : 082 - 422 006/423 106
No. Faks : 082 - 244 394

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Sabah,

Kompleks JKKN Sabah,
Km 4 Jalan Penampang,
88200 Kota Kinabalu, SABAH.
No. Tel : 088 - 237052/051
No. Faks : 088 - 242 052

CITRA BUDAYA

CITRA BUDAYA JKKN merupakan penerbitan yang berperanan dalam menyampaikan wadah dan matlamat kepada masyarakat dalam usaha merealisasikan penyemarakkan dan pemeliharaan Seni Budaya. Ia diterbitkan tiga (3) kali setahun.

Sidang editorial **CITRA BUDAYA JKKN** sangat mengalui sumbangan anda dalam sebarang bentuk karya seperti artikel, rencana, pantun, puisi, cerpen dan sebagainya.
Sila hantarkan sumbangan anda kepada:

Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan,
Aras 19 Menara TH Perdana,
No.1001 Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Email : penerbitan@jkkn.gov.my



Mysenibudaya